# Pelita Brunei

ڤليتا بروني

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*


ڤتيقن تيته

**PETIKAN TITAH**

"KITA dengan Al-Quran bukan lagi merupakan satu pilihan, tetapi adalah keutamaan dan kemestian. Kerana apa yang dibaca dari Al-Quran itu, akan melahirkan ketenangan, sedang ketenangan menjadi punca kebahagiaan. Yang diamalkan pula menjadi kebajikan, sedang yang disuruh dan ditegahnya menjadi rahmat dan peringatan."
- Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1429 Hijrah / 2008 Masihi.

مانيسڽ ايمان

**MANISNYA IMAN**

"MAKA ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu dan bersyukurlah kepada-Ku dengan taat mengerjakan suruhan-Ku dan janganlah kamu mengingkari-Ku dengan berbuat derhaka dan maksiat."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152.

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5.05 | 5.15 | 6.32 | 6.55 | 12.34 | 3.50 | 6.33 | 7.43 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit


TAHUN 63 / BILANGAN 26 | 28 FEBRUARI 2018 / 1439 جمادى الأخير 12 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# Menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan ABDT



Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand (ABDT), Tuan Yang Terutama Jeneral Tarnchaiyan Srisuwan yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Menyertai TYT, Ketua Turus Pertahanan, ABDT pada Majlis Mengadap tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Biravij Suwanpradhes; Timbalan Ketua Turus Pertahanan (1), ABDT, Jeneral Haspong Yuvarnavandhana; Timbalan Ketua Turus Pertahanan (4), ABDT, Jeneral Yosanant Raicharoen dan Ketua Turus Bersama (Chief of Joint Staff), ABDT, Jeneral Ponpipaat Benyasri.

Juga hadir, Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berkenan menerima mengadap Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Tarnchaiyan Srisuwan yang berlangsung di Istana Nurul Iman.**

# Fahami, pelajari bahasa Al-Quran

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Masri Osman, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda, dengan memartabatkan Al-Quran dan menjadikannya sebagai panduan dalam kehidupan kita, insyaa Allah, kita akan dapat melahirkan individu Muslim sejati, keluarga, masyarakat dan negara yang taat serta patuh kepada Allah.

"Di sini, saya gembira mendapat tahu Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah mula mengusahakan pengajaran membaca Al-Quran secara berlagu atau tarannum," sabda Duli Yang Teramat Mulia pada Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.


Ke muka 3



IKUTI KAMI DI

APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn





Muka 7


BERKUNJUNGLAH ke Pesta Buku Brunei dan Karnival Budaya Membaca 2018




Muka 9


BRUNEI - Kuwait kukuhkan hubungan kerjasama


E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn* Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217 Faksimile : 2381004 Layari Laman Web : *www.pelitabrunei.gov.bn*

Pelita Brunei

# Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 27 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap secara berasingan isteri Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand (ABDT), Tuan Yang Terutama Jeneral Tarnchaiyan Srisuwan; Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caterina Ventura; dan isteri bekas Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah serta isteri Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Ke muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand (ABDT), Tuan Yang Terutama Jeneral Tarnchaiyan Srisuwan, iaitu Puan Jiraporn Srisuwan yang berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caterina Ventura.

## Dari Sidang Pengarang.

28 FEBRUARI 2018 BERSAMAAN 12 جمادى الأخير 1439

### HASRAT BRUNEI MENJADI NEGARA MAJU

**SUDAH** tiba masanya bagi jentera kerajaan baik kementerian mahupun jabatan supaya 'mengikis' stigma *business as usual* atau membuat perancangan asal ada saja tanpa menuju matlamat yang jelas. Matlamat utama yang perlu difokus ialah Wawasan Brunei 2035 yang mempunyai tiga pilar utama untuk dicapai. Pertama, melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi; kedua, meningkatkan kehidupan rakyat yang berkualiti dan ketiga, memacu ekonomi yang dinamik dan mapan. Pencapaian Wawasan 2035 nanti, akan menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya melalui piawaian tertinggi antarabangsa, kualiti kehidupan yang tinggi dan ekonomi yang dinamik serta pendapatan per kapita.

Justeru itu, pada tahun ini, Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-34 masih lagi mengekalkan tema 'Menjayakan Wawasan Negara'. Ini menunjukkan betapa seriusnya NBD untuk menjayakan wawasan tersebut yang memerlukan penyertaan dan dukungan bersifat *whole-of-nation* dari semua agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan juga orang ramai untuk mengatur langkah melaksanakan strategi-strategi yang telah digariskan. Peranan yang dimaksudkan termasuk meningkatkan daya saing, inovatif dan kreatif; menyokong agenda pembangunan negara; dan berperanan dalam segenap aspek pembangunan ekonomi, politik, sosiobudaya dan keselamatan berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena Hari Kebangsaan Ke-34 Tahun menyentuh : "*Sebagai sebuah negara Islam yang progresif, pengukuhan 'Maqasid Syar'iah' adalah menjadi prasyarat kepada kejayaan negara. Pengukuhan ini penting sebagai pemangkin ke arah memastikan negara terus menuai kemakmuran dan kesejahteraan.*"

Ke arah mencapai hasrat berkenaan adalah menjadi tuntutan penghayatan dan pemeliharaan yang merangkumi penghayatan terhadap Rukun Islam yang menjadi tunjang dan pokok bagi kesejahteraan dan keamanan seluruh umat manusia.

Segenap lapisan rakyat perlu turut memainkan peranan untuk memajukan diri dan meningkatkan lagi usaha-usaha menjana ekonomi dan pembangunan. Agensi-agensi kerajaan pula perlulah cekap dan bijaksana dalam menguruskan sumber-sumber negara. Demikian juga pembangunan sumber manusia perlu sentiasa diberikan perhatian.

Kita memerlukan komitmen dan usaha-usaha bersepadu dari semua pihak, termasuk sektor swasta, bagi memastikan segala perancangan dapat berjalan rancak mencapai sasarannya yang hanya berbaki 17 tahun sahaja lagi menuju Wawasan Brunei. Justeru itu, kita tidak lagi boleh merangkak dan berjalan terlalu perlahan tetapi mustahak berlari. Negara tidak rela ketinggalan dalam mengejar pembangunan, terutama dalam bidang persaingan ekonomi terutama yang menjurus kepada ekonomi digital.

Begitu juga bagi keamanan dan keselamatan yang berkekalan kita perlu memasuki gerbang *cyber security* dengan penuh yakin di mana kita menaruh harapan yang tinggi kepada belia-belia kita yang menjadi pewaris negara untuk kelangsungan pada masa depan tampil ke hadapan menggalas tanggungjawab secara serius untuk merealisasikan impian negara. Semoga impian kita ke arah mencapai status sebagai sebuah negara maju akan tercapai **- Ketua Penyuntingan (Nh).**

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 32 / 25 °C | 31 / 25 °C | 30 / 24 °C |
| PEKAN BANGAR | 32 / 24 °C | 32 / 24 °C | 30 / 24 °C |
| PEKAN TUTONG | 31 / 24 °C | 31 / 24 °C | 30 / 24 °C |
| KUALA BELAIT | 31 / 25 °C | 32 / 25 °C | 30 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi FEBRUARI | HARI | Hijrah JAMADILAKHIR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 28 | RABU | 12 | 5.05 | 5.15 | 6.32 | 6.55 | 12.34 | 3.50 | 6.33 | 7.43 |
| 1 MAC | KHAMIS | 13 | 5.04 | 5.14 | 6.32 | 6.54 | 12.34 | 3.50 | 6.33 | 7.43 |
| 2 | JUMAAT | 14 | 5.04 | 5.14 | 6.32 | 6.54 | 12.34 | 3.49 | 6.33 | 7.43 |
| 3 | SABTU | 15 | 5.04 | 5.14 | 6.31 | 6.54 | 12.33 | 3.49 | 6.33 | 7.43 |
| 4 | AHAD | 16 | 5.04 | 5.14 | 6.31 | 6.53 | 12.33 | 3.48 | 6.33 | 7.42 |
| 5 | ISNIN | 17 | 5.03 | 5.13 | 6.30 | 6.53 | 12.33 | 3.48 | 6.33 | 7.42 |
| 6 | SELASA | 18 | 5.03 | 5.13 | 6.30 | 6.53 | 12.33 | 3.47 | 6.33 | 7.42 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN
AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998
(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123
NDMC 2380214

# Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap

Ke muka 2

Mula-mula Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap isteri kepada Ketua Turus Pertahanan, ABDT, Puan Jiraporn Srisuwan.

Mengiringi Puan Jiraporn Srisuwan pada majlis tersebut ialah isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Supinya Suwanpradhes; isteri Timbalan Ketua Turus Pertahanan (1), Puan Marisa Yuvarnavandhana; isteri Timbalan Ketua Turus Pertahanan (4), Puan Thanaweena Raicharoen; isteri Ketua Turus Bersama, Puan Chairapun Benyasri dan isteri Pemerintah ABDB, Datin Dayang Hajah Rasidah binti Haji Brahim.

Seterusnya, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caterina Ventura.

Selepas itu, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap isteri bekas Pemerintah ABDB, Pengiran Datin Nuur 'Izzah Nabilah binti Pengiran Haji Ahmad Mahdi Al-Sufri dan isteri Pemerintah ABDB, Datin Dayang Hajah Rasidah binti Haji Brahim.

Majlis-majlis Mengadap itu berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri bekas Pemerintah ABDB, Pengiran Datin Nuur 'Izzah Nabilah binti Pengiran Haji Ahmad Mahdi Al-Sufri dan isteri Pemerintah ABDB, Datin Dayang Hajah Rasidah binti Haji Brahim.

# Mushaf Brunei Darussalam dan tafsirannya giat dilaksanakan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 27 Februari. - Negara bukan saja telah menerbitkan Mushaf Brunei Darussalam, malah juga dengan terjemahannya bagi menampung keperluan umat Islam di negara ini khususnya pada memastikan pemahaman kandungannya dan insyaaAllah Mushaf Brunei Darussalam dan tafsirannya pula akan kita punyai di mana kerja-kerja penyediaan dan penyusunannya sedang dilaksanakan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian semasa merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Di samping mengamalkan bacaan Al-Quran sebelum memulakan tugas, DYTM juga berasa gembira pada mengetahui adanya beberapa agensi kerajaan yang juga membaca terjemahan bacaan Al-Quran ini.

"Amalan seperti ini adalah amat dituntut. Mudah-mudahan amalan seperti ini akan terus berkembang meluas di negara zikir ini.

Projek Satu Minggu Satu Juz, Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR) yang dikelolakan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga Huffaz Management giat menjalankan usaha dan amal bakti mereka sehingga menjadikan pelajaran dan pembelajaran Al-Quran itu dapat di*access* dengan mudah dan meluas," sabda DYTM.

Tegas DYTM, inilah yang kita kehendaki malah lebih terasa mustahak dan perlu di*access* dan dihayati oleh segenap lapisan masyarakat Islam.

Menyentuh mengenai peranan institusi masjid, melalui perancangan dan pengurusan yang berkesan DYTM percaya masjid dapat melahirkan insan-insan yang beriman, bertakwa dan berilmu pengetahuan berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah menurut Ahli Sunnah Waljamaah Mazhab Syafii.

Oleh yang demikian, sabda DYTM, penglibatan orang ramai dan penduduk kampung dalam mengimarahkan masjid adalah sangat penting iaitu dengan meramaikan sembahyang berjemaah, mengikut pelbagai program termasuk mendalami Al-Quran atau aktiviti keugamaan yang banyak mendatangkan manfaat, dan meningkatkan kesedaran orang ramai melalui masjid mengenai amalan berwakaf yang juga sangat dituntut dalam Islam bagi sama-sama menanam saham di akhirat kelak.

DYTM menambah sabda, kesemua ini sangat bermanfaat ke arah melahirkan pembangunan dan kesejahteraan ummah serta masyarakat yang berilmu pengetahuan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Masri Osman, Azmah Haji Ahad

# Fahami, pelajari bahasa Al-Quran

Dari muka 1

Seiring dengan itu, kemahiran dan keahlian dalam tarannum sabda DYTM, akan lebih lengkap dan berkesan malah memberi kelebihan yang mantap jika qari dan qariah itu memahami bahasa Al-Quran itu, iaitu bahasa Arab.

DYTM seterusnya menegaskan, perlu dan mustahaknya mempelajari dan mengetahui bahasa Al-Quran itu sendiri iaitu bahasa Arab yang antaranya bertujuan antaranya pertama, supaya lebih terasa nikmat dan berhikmatnya bahasa Al-Quran itu.

"Kedua, supaya lebih meresap dan mendalamnya lagi pemahaman kepada maksud dan erti dari kalimat-kalimat Al-Quran itu.

Ketiga, supaya lebih tepat dan sesuai bila perlu waqaf dan bila pula bisai *ibti'da'*nya.

Maka dengan demikian lengkaplah erti ayat dan maknanya tidak terputus," sabda DYTM lagi.

Bercakap mengenai pemahaman Al-Quran, DYTM pernah menyebutnya dalam musabaqah yang lalu, yang mana tafsiran Al-Quran itu terdapat di dalam pelbagai bahasa dan mudah diperolehi serta dapat diakses dalam pelbagai bentuk cetak dan digital.

"Pada hemah saya, tiada alasan lagi untuk kita tidak menimba sebanyak yang mungkin akan isi dan hikmahnya secara mendalam agar kita dapat meraih manfaat daripada kitab yang teragung ini.

Dalam masa yang sama kita hendaklah berhati-hati memilih terjemahan dan tafsir dengan merujuk sumber yang betul berasaskan akidah Ahli Sunnah Waljamaah," tegas DYTM.

Terdahulu, DYTM turut menegaskan bahawa rakyat dan penduduk di negara ini seharusnya bersyukur dengan menikmati kehidupan dalam suasana aman dan damai bagi membolehkan mengerjakan amal ibadat dengan sempurna malah berupaya mengadakan majlis-majlis agama.

Ketenangan inilah, sabda DYTM juga akan menyumbang kepada kesinambungan pembangunan dan perkembangan agenda negara selaras dengan Wawasan 2035.

# Berangkat rasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Ke-58





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (kiri dan kanan).

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Masri Osman, Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 27 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi.

Majlis berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Pusat Persidangan Antarabangsa dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1439H / 2018M serta Ahli-Ahli Jawatankuasa yang lain.

**Ke muka 5**





PESERTA qari, Awang Mohammad bin Ali dan qariah, Dayang Nurnabilah binti Mejar (B) Haji Abdul Rahman semasa mempersembahkan bacaan mereka pada musabaqah tersebut (kanan).





TAUSYEH Marhaban Bil-Ameer dipersembahkan bagi mengiringi keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota (kiri), sementara gambar kanan, antara yang hadir pada Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439H / 2018M.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli Jawatankuasa Majlis sejurus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas bagi Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439H / 2018M.

**Dari muka 4**

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Pada majlis tersebut, DYTM berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya menyempurnakan perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439H / 2018M. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Acara kemudian diikuti dengan sembah alu-aluan dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang antara lain menyembahkan bahawa mulai Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Ke-58 ini, beberapa syarat penyertaan telah dikemas kini, yang terpenting antaranya mensyaratkan bahawa peserta hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih 40 tahun. Dengan pensyaratan umur yang baharu sembah Yang Berhormat, musabaqah telah berjaya menampilkan peserta muda yang berbakat.

"Dengan kemudahan teknologi pada masa kini dibantu oleh program-program Al-Quran di media sosial, usaha-usaha kerajaan paduka ayahanda telah berhasil menyuntik minat para remaja untuk berkecimpung di dalam bidang tarannum Al-Quran.

Sesungguhnya faktor ini juga di antara yang mempercepatkan peningkatan kemahiran para belia yang berminat dan bersungguh-sungguh mengasah bakat mereka," tambah Yang Berhormat. Musabaqah kemudiannya dimulakan dengan persembahan dua peserta iaitu qari, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili dan qariah, Dayang Nurnabilah binti Mejar (B) Haji Abdul Rahman.

Pada majlis tersebut juga menyaksikan persembahan bacaan Al-Quran dari qari remaja luar negara, Awang Muhammad Zahron Nasywa, johan Seleksi Tilawatil Quran (STQ) Nasional di Tarakan Kalimantan Utara Anak-Anak.

Seterusnya, musabaqah disambung semula dengan bacaan dari dua lagi peserta iaitu qari, Awang Mohammad bin Ali dan qariah, Dayangku Ummi Syazan binti Pengiran Haji Marjuki.

Tema Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439H / 2018M ialah 'Al-Quran Sumber Kepimpinan Adil'.

Pertandingan disambung lagi pada malam berikutnya dengan memperdengarkan lapan peserta iaitu empat qari dan empat qariah, sementara itu pengumuman keputusan bagi menentukan johan qari dan qariah Majlis Muabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1439H / 2018M akan diadakan pada Khamis, 1 Mac 2018.



YANG Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal semasa memimpin bacaan Surah Al-Fatihah.

# Kebawah DYMM berkenan kurniakan nama cucunda



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan amat sukacita telah mengurniakan nama kepada cucunda baginda, iaitu anakanda kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub, dengan nama Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Hakeem ( عبدالحكيم ) bin Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini.

Foto :
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Februari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini memaklumkan bahawasanya :

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan amat sukacita telah mengurniakan nama kepada cucunda baginda, iaitu anakanda kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini bin Pengiran Dr. Haji Mohd. Yakub, dengan nama :

Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Hakeem ( عبدالحكيم ) bin Pengiran Anak Haji Muhammad Ruzaini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli YangMaha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat baginda dengan sukacita mengurniakan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat semasa meluaran tersebut dan juga kepada semua yang menyembahkan perutusan tahniah dan ucap selamat berikutan dengan selamatnya meluaran cucunda baginda itu pada Isnin, 3 Jamadilakhir 1439 Hijrah bersamaan 19 Februari 2018 Masihi, jam 8.52 pagi.

# DYMM Sultan Perak Darul Ridzuan menerima mengadap Mufti Kerajaan



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

**PERAK, MALAYSIA,** Isnin, 26 Februari. - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah telah berkenan menerima mengadap Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang berlangsung di Aman Jaya Convention Centre, Casuarina@Meru, Bandar Meru Jaya, Ipoh, Perak.

Majlis Mengadap itu diadakan sejurus selepas Yang Berhormat membentangkan Kertas Kerja Utama pada Majlis Perasmian Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Mengiringi Yang Berhormat pada Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Yang Amat Berhormat Dato Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir dan Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan, Sahibus Samahah Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria.

**DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah berkenan menerima mengadap Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.**

# Ulama,umara tidak wajar ambil sikap sendiri-sendiri

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

**PERAK, MALAYSIA,** Isnin, 26 Februari. - Dari sudut kepimpinan dan kekhalifahan, ulama dan umara memang sama-sama memegang peranan dan kedua-duanya tidak wajar mengambil sikap sendiri-sendiri antara satu dengan yang lain.

Kedua-dua pihak adalah selama-lamanya terikat atau diikat oleh kepentingan dan keperluan. Ulama dan umara itu mestilah selamanya duduk bersama dan adalah salah jika mereka itu terpisah atau ada pihak lain yang memisahkan mereka kerana jika mereka terpisah, akan berlakulah kepincangan.

Demikian dijelaskan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika membentangkan Kertas Kerja Utama bertajuk 'Kepimpinan dan Kekhalifahan, Gagasan Konstruktif Ulama Dan Umara' pada Majlis Perasmian Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. Majlis diadakan pada 26 Februari 2018 di Aman Jaya Convention Centre, Casuarina@Meru, Bandar Meru Jaya, Ipoh, Perak.

Yang Berhormat seterusnya menambah, ulama dan umara mesti kekal terikat untuk sama-sama memimpin, mengurus dan mengatur umat.

Di tangan mereka, katanya letaknya kebaikan ataupun sebaliknya keburukan untuk kehidupan umat, dan ini tegasnya bukan lagi teori, tetapi satu kaedah muktamad menurut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagaimana hadis Baginda yang bermaksud : "Ada dua : jika dua-dua itu bagus / baik, nescaya bagus dan baiklah umat, sebaliknya jika dua-dua rosak, nescaya rosaklah umat. (Siapa mereka?), iaitulah ulama dan umara. Inilah kepentingan ulama dan umara itu. Dua-dua saling berperanan untuk kepentingan umat. Dari ulama, dituntut bimbingan dan nasihat mereka, sementara umara pula, dituntut untuk melaksanakan nasihat tersebut," tegas Yang Berhormat.

Bercakap mengenai siapa ulama dan umara itu, Yang Berhormat menjelaskan bahawa kalimat ulama telah diungkap oleh Al-Quran dalam Surah asy-Syu'ara, ayat 197 yang tafsirnya : "Tidakkah jadi satu bukti kepada mereka bahawa ulama Bani Israel, sebenarnya sudah lebih awal mengetahui akan kebenaran kitab suci Al-Quran."

Dan di dalam Surah Faathir, ayat 28 yang tafsirnya : "Orang yang sebenar-benar takut kepada Allah dari kalangan hamba-hamba-Nya ialah ulama."

Manakala umara pula, jelasnya dari kata 'amir', juga sama-sama terungkap dalam Al-Quran melalui ungkapan Ulul Amri, sebagaimna firman Allah Ta'ala di dalam Surah an-Nisaa, ayat 59 yang tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul serta kepada Ulil Amri dari kalangan kamu."

Terdahulu, sebelum pembentangan Yang Berhormat, majlis telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Turut berangkat sama ialah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Jaafar bin Raja Muda Musa.

Juga hadir ialah Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Yang Amat Berhormat Dato Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir dan isteri; dan Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan, Sahibus Samahah Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan pembesar-pembesar Negeri Perak Darul Ridzuan.



**MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika membentangkan Kertas Kerja Utama bertajuk 'Kepimpinan dan Kekhalifahan, Gagasan Konstruktif Ulama Dan Umara' pada Majlis Perasmian Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.**

# Program Tadarus Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah giat dijalankan



**MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Penaung Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar (kanan) semasa menyertai Program Bertadarus.**

Berita dan Foto : Ihsan Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Februari. - Dalam menghayati erti kemerdekaan dan menanai falsafah Melayu Islam Beraja, Program Bertadarus dari rumah ke rumah yang diungkayahkan oleh Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) giat dijalankan.

Program tersebut bertujuan untuk menanamkan rasa cinta terhadap Al-Quran dan menjunjung hasrat dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menyertai jemaah ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Penaung MRSB, Kampung Sungai Akar.

Program berkenaan telah diadakan di kediaman salah seorang jemaah MRSB dan dihadiri hampir 60 jemaah MRSB.

# Berkunjunglah ke Pesta Buku Brunei dan Karnival Budaya Membaca 2018





MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa menerima buku terbitan baharu Dewan Bahasa dan Pustaka daripada Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sempena Pesta Buku Brunei dan Karnival Budaya Membaca 2018 (kiri). Sementara gambar kanan, kedua-dua Yang Berhormat Menteri meninjau pameran dari Negara Kuwait yang menyertai pameran semasa pesta tersebut.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 27 Februari. - Pesta Buku Brunei dan Karnival Budaya Membaca 2018 sedang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas sehingga 8 Mac depan.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak dalam ucapan alu-aluannya berkata, setakat ini pihaknya menerima impak positif daripada para pengunjung dan terdapat pengunjung yang tidak sabar menantikan acara tersebut untuk mencari bahan-bahan bacaan yang relevan dan signifikan dengan persekitaran kini.

Tambahnya, Pesta Buku Brunei dan Karnival Budaya Membaca 2018 diharap berupaya mencipta nilai tambah dan terus menjadi landasan unggul untuk memperkuat penglibatan penerbit-penerbit dan toko-toko buku dari segi kerjasama dan kesalinghubungan dalam mewujudkan ekosistem sihat dan progesif bagi memastikam pertumbuhan minda positif sebagai budaya tinggi yang perlu diusaha-tingkatkan oleh masyarakat Brunei.

Majlis diselajurkan dengan penyampaian dan pelancaran sebanyak 38 buah buku terbaharu yang terdiri daripada lima buah buku ilmiah, tiga buah buku umum, 12 buah buku kategori sastera dewasa dan 18 buah buku sastera kanak-kanak.

Antara penerima buku terbaharu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Turut dilancarkan, sebuah buku rakyat bertajuk 'Pulau Labi-Labi' yang diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa iaitu Dusun, Inggeris, Filipina, Korea, Jepun, Arab, Mandarin, Perancis dan Jerman yang mana ia adalah merupakan hasil komitmen kerjasama penterjemahan dan penerbitan antara DBP dan Pusat Bahasa, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Pesta Buku Brunei dan Karnival Budaya Membaca 2018 adalah merupakan projek tahunan DBP bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 dan projek ini diserap ke dalam kalendar Pesta Buku Negara ASEAN.

Sepanjang ia dijalankan, pelbagai kegiatan pengisian telah dirancang, antaranya ialah Buku Jendela Dunia, Cabaran Ria Bacathon, Dengar dan Fahami Cerita, Kuiz Kenali Negara Kitani, Permainan Tabu, Susur Bahasa, Sahiba Jawi, Pesta Pantun Nusantara, Spelling Bee, Bengkel Fonik dan Lancar Baca.

Ia dibuka bagi kunjungan orang ramai bermula dari 8.00 pagi hingga 10.00 malam dan pada Jumaat pula, dari pukul 9.00 hingga 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 10.00 malam.

# Tinjau aktiviti peladang KPLB Daerah Tutong



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (empat, kanan) ketika membuat lawatan kerja bagi meninjau aktiviti-aktiviti peladang di Kawasan Pertanian Luar Bandar (KPLB) Bukit Sulang, Mukim Lamunin.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

**TUTONG,** Selasa, 27 Februari. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong telah membuat lawatan kerja bagi meninjau aktiviti-aktiviti peladang di Kawasan Pertanian Luar Bandar (KPLB) di daerah ini.

Lawatan dimulakan di Ladang KPLB Bukit Sulang, Mukim Lamunin berkeluasan 99 hektar yang telah diusahakan dengan tanaman buah-buahan yang bermusim, seperti durian, rambutan, cempedak dan tarap. Seramai 52 ahli yang diketuai oleh Mohd. Jenin bin Burut, terlibat dalam mengusahakan ladang ini sejak tahun 1994. Hasil ladang pada tahun 2017 berjumlah 17 metrik tan dengan nilai lebih BND40 ribu.

Lawatan diteruskan ke Ladang KPLB Tabalu, Mukim Kiudang yang diketuai oleh Haji Muhd. Hamda bin Abdullah Anja. Ladang ini telah dibuka pada tahun 2004 dan diusahakan oleh seramai 69 ahli dengan keluasan 21.30 hektar. Antara tanaman yang ditanam di ladang tersebut adalah durian dan rambutan. Ladang ini telah mengeluarkan hasil ladang sejumlah lapan metrik tan dengan nilai BND16 ribu pada tahun 2017 untuk menambahkan pendapatan, peladang-peladang juga menanam pisang sebagai tanaman sampingan.

Lawatan seterusnya ialah ke Ladang KPLB Santol 'B', Kampung Sinaut yang mula diusahakan pada tahun 1996. Ladang ini diusahakan oleh seramai 41 ahli dan diketuai oleh Haji Abdul Razak bin Haji Mohd. Yusof. Kebanyakan tanaman yang ditanam di ladang ini seperti durian, cempedak, langsat, rambutan, tarap dan nangka. Pada tahun 2017, ladang ini telah menghasilkan sebanyak 18.4 metrik tan dengan nilai lebih BND45 ribu.

Lawatan berakhir di Ladang KPLB Kupang, Mukim Keriam yang berkeluasan 6.75 hektar dan diketuai oleh Haji Saidis bin Haji Damit dengan keramaian ahli sebanyak 15 orang. Ladang ini dibuka pada tahun 2003 dan ditanami dengan buah-buahan bermusim iaitu durian, cempedak, kambayau, tarap dan mata kucing. Ladang ini telah menghasilkan sejumlah 1.3 metrik tan dengan nilai lebih BND5 ribu pada 2017.

Dalam lawatan tersebut, Yang Berhormat mendapati bahawa antara cabaran utama peladang-peladang ialah jalan ladang yang rosak oleh tanah susur akibat musim hujan, kekurangan bantuan baja dan serangan perosak tanaman seperti monyet dan babi hutan.

Yang Berhormat mengambil maklum berkenaan cabaran-cabaran yang dihadapi, terutama mengenai tanah-tanah susur dan serangan perosak tanaman, seperti monyet dan babi hutan, yang mana perkara ini akan dirundingkan dengan agensi-agensi yang berkenaan untuk mengatasinya. Selain itu, Yang Berhormat mengesyorkan agar peladang-peladang juga mengusahakan tanaman buah-buahan tidak bermusim seperti limau besar (*pomelo*), buah naga, markisa (*passion fruit*), nenas, durian belanda dan pisang.

Pelbagai tanaman yang lain seperti marunggai, jagung, serai dan kunyit juga disarankan untuk ditanam bagi memastikan peladang-peladang dapat hasil tanpa bergantung kepada hasil buah-buahan yang bermusim seperti durian, cempedak, rambutan, kembayau, tarap dan lain-lain.

Menyentuh mengenai baja bantuan pertanian yang sering tidak mencukupi, Yang Berhormat mencadangkan agar peladang-peladang mencuba membeli baja secara berkumpulan supaya mendapat harga yang lebih murah dari pembekal dari dalam dan luar negara.

Bagi mendapatkan bekalan baja dari luar peladang-peladang disarankan untuk mendapatkan permit import daripada pihak KSSUP melalui Bahagian Biosekuriti, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Rombongan Yang Berhormat disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah serta para pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

# Brunei - Thailand komited kukuhkan hubungan pertahanan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 Februari. - Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menerima kunjungan hormat daripada Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Tarnchaiyan Srisuwan yang berlangsung di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison.

Terdahulu, sejurus ketibaan di kementerian tersebut, TYT Jeneral Tarnchaiyan Srisuwan disambut dengan kawalan kehormatan terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan II, TYT seterusnya mengadakan kunjungan muhibah kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Tujuan utama lawatan rasmi TYT Jeneral Tarnchaiyan Srisuwan adalah untuk memperkukuhkan lagi hubungan baik kedua buah negara, di samping mempertingkatkan kepentingan kerjasama pertahanan di antara ABDB dan Angkatan Bersenjata Diraja Thailand melalui pelbagai platform.

Kedua-dua belah pihak juga memberikan komitmen dalam mengukuhkan lagi hubungan pertahanan di antara kedua angkatan tentera pada masa akan datang.

TYT bersama isteri, Puan Jiraporn Srisuwan serta rombongan tiba di negara ini bagi lawatan rasmi selama tiga hari.



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kanan) ketika menerima kunjungan hormat daripada Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Tarnchaiyan Srisuwan (kiri) yang berlangsung di Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison.

# Miliki sifat kerohanian berkonsepkan MIB

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi




MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa merasmikan Bengkel Perancangan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 Februari. - Setiap jabatan, divisyen dan unit di bawah Kementerian Pembangunan diseru agar sentiasa berusaha dalam memastikan pelan strategik kementerian sejajar dengan keperluan-keperluan, serta menepati cabaran-cabaran semasa di samping memiliki sifat-sifat kerohanian yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai pembentuk dan penentu calak keBruneian.

Perkara tersebut ditegaskan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa merasmikan pelancaran Bengkel Perancangan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan yang diadakan di Ruang Lobi, Kementerian Pembangunan, di sini.

Yang Berhormat dalam ucapannya turut memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-65 Tahun pada 15 Julai 2011, yang menitahkan bahawa dunia adalah benar-benar sedang menghadapi cabaran masa depan yang luas.

"Dalam keadaan yang sedemikian ini, pilihan kita adalah jelas, perlu meneruskan agenda pembangunan yang seimbang. Pertama – Rancangan Kemajuan Negara (RKN) perlu mendasari kehendak strategi dan pelaksanaan yang berkesan. Kedua – Perancangan sumber tenaga manusia perlulah lebih tersusun, dan Ketiga – Penggubalan rangkaian undang-undang dan peraturan yang secukupnya, juga diperlukan untuk menjaga kepentingan pembangunan," demikian petikan titah Kebawah DYMM.

Beliau seterusnya menyeru agar segala apa jua usaha-usaha adalah untuk diniatkan semata-mata kerana untuk kebaikan bersama, dan bagi menyokong hasrat dan cita-cita murni Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Terdahulu, Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin dalam ucapan alu-aluannya turut menyentuh penyediaan satu draf Kertas Kerengka Dasar Kementerian Pembangunan yang akan diedarkan sedikit masa lagi, dan ke arah itu perlunya membuat rebiu ke atas Pelan Strategik sedia ada, untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa dan seterusnya mendokong dasar-dasar utama yang telah digariskan.

Menyentuh mengenai bengkel selama tiga hari itu, beliau menggariskan ia akan menggunakan *structured framework* melalui metadologi *delivery approach* dalam penganalisaan pelan strategik bagi menghasilkan *desired deliverables*.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria; ketua dan timbalan setiap jabatan, divisyen dan unit di bawah Kementerian Pembangunan.

Bengkel Perancangan Pelan Strategik 2018 - 2023 Kementerian Pembangunan ini merupakan kendalian secara in-house oleh Divisyen Penyelarasan Polisi dan Pelan Strategik (PCSP) dan akan berakhir pada 3 Mac depan.




MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bergambar ramai bersama para peserta Bengkel Perancangan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan yang diadakan di Ruang Lobi, Kementerian Pembangunan.

# Brunei - Kuwait kukuhkan hubungan kerjasama

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**JERUDONG,** Isnin, 26 Februari. - Kedutaan Besar Kuwait di negara ini mengadakan Majlis Resepsi Makan Malam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait Ke-57 dan Hari Pembebasan Kuwait Ke-27 yang berlangsung Dewan Indera Samudera, The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan isteri.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke negara ini, Tuan Yang Terutama Dr. Fahad Mashary Al-Thafiri dalam ucapannya menggariskan mengenai hubungan persahabatan yang kukuh di antara kedua-dua buah negara yang menyaksikan kemajuan melalui pertukaran lawatan rasmi secara tetap.

Tuan Yang Terutama berkata, lawatan His Highness Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Amir Kuwait ke negara ini pada bulan Oktober tahun 2016 telah membuka bab baharu bagi hubungan dua hala dan meletakkan asas yang kukuh bagi kerjasama dalam pelbagai kepentingan yang berbeza.

Menurutnya, Jabatan Tenaga dan Perindustrian di JPM (EIDPMO) telah mengundang rombongan bertaraf tinggi dalam minyak dan gas dari Kuwait yang diketuai oleh Kuwait Petroleum Corporation bagi lawatan kerja ke Negara Brunei Darussalam, yang mana lawatan tersebut merupakan kali pertama ke negara ini bagi membuat susulan mengenai perjanjian persefahaman dan kerjasama dalam bidang minyak dan gas.

TYT menambah, ia merupakan petunjuk yang jelas dalam kesungguhan kedua-dua buah negara untuk meningkatkan lagi persefahaman serta mewujudkan mekanisme bagi perundingan politik dan diplomatik.

Jelasnya lagi, hubungan dua hala juga adalah termasuk dalam bidang penyiaran, yang mana 'Kuwait National Council for Culture, Arts and Literature' dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menganjurkan 'Kuwaiti Culture and Arts Week' pada 12 hingga 17 Mac 2018, yang memaparkan hidup, seni dan budaya Kuwait di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Majlis Resepsi tersebut dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Kuwait, diikuti dengan Upacara Memotong Kek Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan TYT.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (tengah) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke negara ini, Tuan Yang Terutama Dr. Fahad Mashary Al-Thafiri semasa memotong Kek Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kuwait pada Majlis Resepsi Makan Malam.

## Majlis Membaca Yaa Siin dan Tahlil sempena Sambutan Ke-97 PDB



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam (dua, kiri) semasa menyertai Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil sempena Memperingati Sambutan Ke-97 Tahun Penubuhan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang diadakan di Kubah Makam Diraja.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 27 Februari. - Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil sempena Memperingati Sambutan Ke-97 Tahun Penubuhan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Majlis yang dikhususkan bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit itu dihadiri oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang diketuai oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis, APO Sarjan Mejar 6924 Pengiran Haji Ludin bin Pengiran Haji Matahir yang kemudiannya memimpin bacaan Tahlil dan Doa Arwah.

Juga hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; pengarah-pengarah, timbalan-timbalan pengarah, pegawai-pegawai pemerintah Daerah Polis, ketua-ketua formasi, pegawai-pegawai, ahli-ahli pangkat rendah, kakitangan serta Kadet PDB.

Majlis Tahlil tersebut merupakan sebahagian daripada kegiatan yang dijalankan sebelum hari kemuncak perbarisan Sambutan Hari Polis Ke-97 Tahun.

## Perkampungan Belia Syumul bina semangat juang dan jati diri

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Februari. - Seramai 31 belia perempuan yang berumur 18 hingga 25 tahun yang terdiri daripada perseorangan, ahli sukarelawan belia da'ie, belia mualaf dan institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan menyertai Perkampungan Belia Syumul Ketiga anjuran Unit Belia, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Perkampungan Belia itu bermula hari ini sehingga 28 Februari ini, bertempat di PDI.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Terdahulu, tetamu kehormat dalam ucapan alu-aluannya berkata, sebagai belia di negara ini tidak boleh hanya fokus pada satu-satu perkara seperti melakukan riadah untuk kesihatan tubuh badan sahaja akan tetapi sembahyang dilalaikan.

Menurutnya, kita perlu meluaskan lagi skop kehidupan yang merangkumi daya pemikiran, kesihatan fizikal serta tenaga rohani dengan menggabungkan kesemua aspek-aspek kehidupan agar dapat melahirkan generasi belia yang berkredibiliti tinggi, berwibawa serta dapat memimpin dan menanai tanggungjawab seperti slogan yang sering dilaungkan iaitu 'Belia Harapan Bangsa'.

Objektif perkampungan tersebut adalah untuk membina semangat juang dan jati diri dengan meningkatkan ukhuwah dan perpaduan dalam kalangan belia dan membentuk modal insan yang mantap dari segi jasmani, emosi, rohani, disiplin dan intelek sebagai persediaan mengharungi masa depan.

Perkampungan ini akan diisikan dengan pelbagai aktiviti membina



PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh ketika memberikan ucapan alu-aluan.

berpasukan, aktiviti kepimpinan, menghalusi pergerakan dan bacaan sembahyang, tazkirah, *qiamullail,* persembahan malam keagamaan, lawatan ke Kampung Putat dan Khidmat Masyarakat di Kampung Batu Marang.



ANTARA peserta yang menyertai Perkampungan Belia Syumul Ketiga anjuran Unit Belia, Bahagian Penyebaran Da'wah, PDI.

# 332 peserta Program 1M1J Daerah Belait Khatam Al-Quran

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

**SERIA,** Selasa, 27 Februari. - Program 'Satu Minggu Satu Juzuk' (1M1J) bagi muris-murid sekolah-sekolah ugama Daerah Belait berlangsung di Pusat Insani, Seria.

Seramai 332 peserta khatam yang terdiri daripada 155 murid lelaki dan 177 perempuan dari Darjah Pra hingga Darjah VI mewakili 17 buah Sekolah Ugama Daerah Belait diraikan setelah berjaya menghabiskan pembacaan 30 Juz Al-Quran bermula awal Februari 2017 sehingga 31 Disember 2017.

Program 1M1J adalah sebagai mendukung dan menjunjung tinggi hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di mana pendidikan ugama khususnya Al-Quran peringkat asas perlu dititikberatkan agar ia kukuh dan mantap.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar yang mengetuai bacaan Surah Al-Fatihah.

Manakala bacaan Surah adh-Dhuha hingga an-Nas oleh peserta khatam; bacaan Tahtim oleh guru-guru ugama perempuan Daerah Belait; bacaan Doa Khatam Al-Quran oleh salah seorang peserta khatam dan Persembahan Dikir Marhaban oleh guru-guru ugama lelaki Daerah Belait.

Merenjis minyak wangi serta penyampaian sijil khatam telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis dan seterusnya diikuti oleh para ibu bapa serta penjaga peserta. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis seumpama itu diungkayahkan untuk memantapkan lagi mutu bacaan Al-Quran murid-murid di sekolah ugama menerusi amalan membaca Al-Quran secara bertalaqqi dan sekali gus menyuntik dan mendidik murid-murid agar sentiasa membaca, mencintai, mendengar Al-Quran sebagai amalan harian mereka.

Ia juga boleh melahirkan murid-murid yang dapat menguasai bacaan Al-Quran secara bertajwid dan lancar seawal usia kanak-kanak.

Menerusi temu bual Pelita Brunei bersama Ahli Jawatankuasa selaku Setiausaha Bersama, Awang Mohammad Khairul Arifin bin Haji Aji berkata, sebelum majlis diadakan pelbagai tatacara pembacaan serta persediaan berkesan diterapkan kepada murid-murid sepanjang tempoh pembacaan sehingga khatam.

Ia sama ada membaca Al-Quran sebelum memulakan pelajaran atau selesai belajar, ketika murid-murid yang terpilih membaca, bacaan mereka akan didengar serta ditasmik oleh guru-guru yang ditugaskan membimbing mereka, bermacam-macam kaedah serta memudah cara telah diguna pakai supaya murid-murid meneruskan bacaan sehingga khatam.

Majlis itu merupakan salah satu aktiviti tahunan sekolah dan dapat mengeratkan kerjasama dan perpaduan dalam kalangan tenaga pengajar, ibu bapa serta penjaga dan para murid.

Program itu juga telah banyak menyumbang pertambahan bilangan murid persekolahan ugama yang Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun.

Turut sama hadir Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Roslan bin Haji Taja'ah.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (enam, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran bagi 332 peserta Program 'Satu Minggu Satu Juzuk' (1M1J).



SERAMAI 332 peserta Program 1M1J bagi murid-murid sekolah-sekolah ugama Daerah Belait telah diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran.

# Majlis Bertahlil sempena Penubuhan Jabatan Penjara Ke-64



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Ajman bin Haji Meludin (tengah) semasa hadir pada Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Penubuhan Jabatan Penjara Ke-64 yang berlangsung di Kubah Makam Diraja.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 27 Februari. - Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Penubuhan Jabatan Penjara Ke-64 yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang dipimpin oleh Ketua Guru Agama Institusi Penjara Jerudong, Awang Haji Azmi bin Haji Tapau, manakala Doa Tahlil pula dibacakan oleh Pegawai Penjara, Awang Sabtu bin Haji Abdul Ghani.

Juga hadir ialah Pengarah Penjara, Awang Haji Ismail bin Haji Murat; pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai serta kakitangan dari Jabatan Penjara.

# Penyertaan Forum Perbankan dan Kewangan Islam UBDSBE dibukakan

Siaran Akhbar : Universiti Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Februari. - Sekolah Perdagangan dan Ekonomi Universiti Brunei Darussalam (UBDSBE) di bawah Kluster Penyelidikan Kewangan Islam dan Pemasaran Halal (IFHM) akan menganjurkan Forum Perbankan dan Kewangan Islam Brunei pada 14 Mac 2018 di UBD.

Forum tersebut akan menampilkan para penceramah dari organisasi kerajaan dan swasta, institusi penyelidikan termasuk Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD); Bank Usahawan Brunei; Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); SBI Islamic Fund (Brunei) Limited dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) serta ahli akademik dari UBD serta Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang akan mengongsikan pengetahuan dan pengalaman yang tidak ternilai mengenai pandangan tentang strategi serta perkembangan perbankan dan kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam.

Forum tertumpu bagi Brunei sempena memperingati Ulang Tahun Penubuhan Ke-25 Industri Kewangan Islam di Brunei yang sebelum ini menandakan pembentukan TAIB, iaitu sebuah badan korporat yang ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam di bawah Akta Perbadanan TAIB (Cap 163).

Penceramah utama bagi forum itu nanti ialah Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam (INCEIF), Kuala Lumpur, Malaysia, Profesor Dato Dr. Azmi Omar yang akan mengongsikan pandangan ilmiahnya mengenai perkembangan praktikal dan inovatif Industri Kewangan Islam di Brunei.

Forum sehari itu akan menampilkan empat sesi perbincangan yang membawa tema-tema seperti Kewangan Islam di Brunei : Sejarah, Prestasi dan Tinjauan Masa Depan; Rangka Kerja dan Urus Tadbir Pengawalseliaan Kewangan Islam di Brunei; Kewangan Islam dan Pembangunan Sosioekonomi dan Pasaran Modal Islam.

UBDSBE dengan ini mengalu-alukan dan mengundang pihak yang berminat untuk menyertai seterusnya sama-sama mengambil bahagian dalam memperkayakan forum Perbankan Islam dan Kewangan Brunei yang bertujuan mempromosikan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan penerbitan dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam.

Forum berkenaan juga akan memberi peluang kepada para peserta untuk bertemu serta bertukar pandangan, idea juga pengetahuan bersama para pakar tempatan dan antarabangsa yang terdiri daripada akademia, penyelidik, pengamal, para industri serta pembuat dasar.

Para peserta dikehendaki untuk mendaftar dan membayar pendaftaran, iaitu sebanyak BND100 bagi pendaftaran biasa; BND80 bagi Alumni UBD dan BND50 bagi pelajar, manakala pendaftaran secara berkumpulan akan memberikan satu tempat duduk tambahan percuma bagi setiap lima orang sekumpulan.

Para peserta hendaklah membuat pendaftaran dan pembayaran dengan mengisikan secara lengkap borang dalam talian (*online*) yang disediakan melalui laman sesawang forum, *http://sbe.ubd.edu.bn/bibff/main.aspx*.

Maklumat lanjut mengenai forum tersebut bolehlah diperoleh melalui *http://sbe.ubd.edu.bn/bibff/main.aspx* atau e-mel ke *bibff.sbe@ubd.edu.bn* atau berhubung terus melalui talian +673 2460922 / 23 sambungan 1101 / 2687.

# Apa Pendapat Biskita?

## Penggunaan bahasa Melayu Brunei

MELALUI hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mendapati bahawa penggunaan bahasa Melayu itu hanya cemerlang di peringkat kanak-kanak sahaja, iaitu ketika mereka masih berada di sekolah rendah akan tetapi bagi golongan yang telah menginjak ke usia remaja ataupun menuntut di sekolah menengah, penggunaan bahasa Melayu mereka agak menurun.

Lebih mendukacitakan lagi, didapati bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat awam adalah tidak memuaskan. Malahan masyarakat awam lebih cenderung menggunakan bahasa rojak perhubungan lisan atau dalam tulisan.

Keadaan tersebut tidak wajar berlaku kerana dikhuatiri ia akan menular dan sukar dikawal pada masa akan datang. Setiap masyarakat, tidak kira peringkat umur, latar belakang sosial ataupun pendidikan, sewajarnya bukan saja memahami bahasa ibunda tersebut, malah hendaklah juga menjiwai dan menghayatinya, agar bahasa Melayu yang menjadi wahana penyatuan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini kekal terpelihara. Selain itu, marilah kita bersama-sama memupuk jati diri yang tekal mencintai bahasa Melayu.

Apa Pendapat Biskita sempat mendapatkan beberapa padangan orang mengenai penggunaan bahasa Melayu Brunei.

"Secara amnya penggunaan bahasa Melayu Brunei di negara begitu meluas dituturkan, akan tetapi hanya oleh sebilangan orang atau masyarakat setempat namun jika diamat-amati penggunaannya dalam kalangan remaja agak berkurangan.

Ia disebabkan kaum remaja lebih gemar menggunakan bahasa 'Inggeris kapal' untuk berkomunikasi dan ada sebilangan keluarga berkomunikasi seharian menggunakan bahasa Inggeris di rumah hinggakan ada sesetengah anak mereka kurang penguasaan bahasa ibunda bahasa Melayu.

Pencemaran bahasa juga berleluasa seperti dalam khidmat pesanan ringkas (SMS), ruangan sembang dalam internet, penulisan Blog dalam internet, laman sosial dalam internet, penggunaan bahasa rojak dan sebagainya lagi.

Bayangkanlah sekiranya orang asing yang menyaksikan pemandangan bahasa yang tidak sihat tersebut dan membaca Blog yang dipenuhi dengan bahasa rojak, ayat-ayat yang kasar serta menggunakan kependekan yang melampau. Apakah reaksi dan persepsi mereka terhadap bangsa Melayu dan bahasa Melayu yang bertaraf bahasa kebangsaan, berkemungkinan pandangan negatif akan tercetus di benak mereka, siapakah yang harus kita persalahkan."
**- Pul, STKRJ Rimba.**

"Wadah yang telah tersedia di media digital tidak dimanfaatkan sepenuhnya bagi penggunaan bahasa Melayu yang jika tidak diterapkan dalam kalangan masyarakat muda mungkin di suatu hari nanti akan mengecil golongan tersebut yang boleh menguasai bahasa Melayu sekalipun identiti aslinya orang Melayu.

Hal tersebutlah yang kita takuti terjadi kepada anak-anak kita, jika kita sendiri tidak melatih anak-anak kita untuk bercakap Melayu walaupun di rumah.

Jika kita perhatikan di negara jiran sudah terjadi beberapa keluarga Melayu yang gagal menguasai bahasa Melayu dengan baik sekalipun mereka tergolong daripada rumpun Melayu yang nenek moyangnya orang Melayu." **- Dus, Muara.**

"Penggunaan bahasa Melayu Brunei mestilah dipelajari bermula di sekolah rendah atau tadika malahan sekolah *nursery* juga seharus mengajarkan kanak-kanak dengan bahasa Melayu Brunei kerana bahasa Melayu Brunei itu unik sedikit jika kita bandingkan dengan bahasa Melayu baku.

Kebanyakannya pada masa sekarang kanak-kanak sudah kurang faham bercakap bahasa Melayu Brunei.

Hal tersebut mungkin disebabkan pengaruh gajet yang canggih yang sudah menguasai cara berkomunikasi kanak-kanak tambahan lagi gajet semua menggunakan bahasa Inggeris jarang sekali kita temukan gajet sepenuhnya dalam bahasa Melayu."
**- Lau, Perumahan Meragang.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-mel pendapat biskita ke :
*pelita.brunei@information.gov.bn*
**i. Permainan Tradisional Dalam Kalangan Generasi Baharu.**
**ii. Riadah Berbasikal Semakin Digemari.**

# Dua peserta PROPAZ sertai latihan kemahiran

Siaran Akhbar : Majlis Ugama Islam Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 Februari. - Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Urus Setia Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ), telah menghantar dua orang daripada peserta PROPAZ untuk mengikuti latihan kemahiran di Institut Kemahiran Baitulmal (IKB), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Kuala Lumpur, Malaysia.

Dua peserta yang terpilih tersebut ialah Awang Muhd. Nur Hazwan Syafiee bin Razimi, 21 tahun, yang akan mengikuti Kursus Teknologi Binaan Bangunan sementara Awang Mohd. Zulhilmi bin Ajak, 25 tahun, akan mengikuti Kursus Perkhidmatan dan Penyajian Makanan.

Penghantaran dua peserta berkenaan adalah hasil daripada Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Ke-42 bagi Pertemuan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) pada 25 hingga 28 Oktober 2017, di Yogyakarta, Indonesia yang membincangkan Bidang Kerjasama antara Meningkatkan Taraf Hidup Umat Islam Yang memerlukan.

Susulan daripada kesepakatan tersebut, Kerajaan Malaysia melalui Institut Kemahiran Baitulmal, MAIWP telah menawarkan peluang kepada asnaf yang berkelayakan di Negara Brunei Darussalam untuk mengikuti latihan kemahiran tersebut.

Tempoh latihan yang akan dijalankan adalah selama 12 bulan (sepenuh masa).

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada para pelajar tersebut ialah Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop berserta pegawai-pegawai dari Urus Setia PROPAZ, Jabatan MUIB.

Kesemua kos pembiayaan bagi program ini menggunakan peruntukan daripada Agihan Kumpulan Wang Zakat, Asnaf Fakir Miskin.

MUIB melalui PROPAZ akan sentiasa meningkatkan usaha bagi mengembangluaskan kaedah latihan untuk asnaf zakat, sebagai jalan untuk mengeluarkan diri mereka sendiri dan keluarga daripada kepompong kemiskinan dan kesusahan hidup.

Setakat ini usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh PROPAZ telah menghasilkan beberapa kejayaan sebagaimana yang diharapkan.

## Kampung Selera Kitani

## Kampung Belais dan Buda-Buda



Foto : Azmah Haji Ahad

### BUBUR KACANG DURIAN

**BAHAN-BAHANNYA :**

600g isi durian (Durian Putih dan Durian Kuning dan biarkan masih ada bijinya)
5 helai Daun Pandan
Semangkuk bubur kacang yang sudah direbus
Satu mangkuk santan kelapa
3 mangkuk air
Gula
Garam

**CARA MEMASAKNYA :**

Masak air hingga mendidih dan masukkan Daun Pandan. Kemudian masukkan isi durian dan biarkan mendidih hingga isi durian empuk. Setelah itu, masukkan gula secukupnya (mengikut kesukaan awda) dan secubit garam. Biarkan mendidih dalam 3 minit, kemudian masukkan kacang hijau yang sudah direbus. Kemudian masukkan santan kelapa dan biarkan mendidih sekejap sahaja (jangan sampai pecah minyak). Setelah masak siap untuk dihidang.

# Program RRP sebarkan maklumat positif, berkesan



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan hadiah kepada salah seorang peserta Kuiz Kenegaraan yang berjaya pada Program Rakan Remaja Penerangan bagi Ma'had Islam Brunei.

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TUTONG,** Selasa, 27 Februari. - Untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa, menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong telah mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) bagi Ma'had Islam Brunei bertempat di Dewan Besar sekolah tersebut, di sini.

RRP merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja, terutama bagi pelajar-pelajar sekolah peringkat menengah, dalam menyebarluaskan maklumat semasa yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya melalui seni hiburan yang terarah dan terpimpin.

Antara pengisian program tersebut termasuk tayangan klip-klip video 'Kibarkanlah Bendera Negara Dengan Megah'; 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' serta penyampaian Taklimat Kenegaraan bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Majlis dimulakan dengan nyanyian koir Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' oleh penuntut-penuntut sekolah, dan bacaan Surah Al-Fatihah serta Doa Selamat oleh Awang Haji Muliadey bin Haji Mohammad.

Program tersebut juga diserikan dengan Persembahan Deklamasi Sajak bertajuk 'Perjuangan Kemerdekaan', 'Kemerdekaan' dan 'Sesudah Kemerdekaan', masing-masing oleh Hasan bin Sahirol, Md. Arif Danial bin Agus Zamri dan Haadii Syaamil bin Haidi, dan diteruskan dengan persembahan koir medley lagu-lagu patriotik.

Terdahulu, Pengetua Ma'had Islam Brunei, Pengiran Haji Asmady bin Pengiran Haji Aliudin selaku Pengerusi Bersama Majlis dalam ucapan alu-aluan antara lain berharap, melalui RRP ini para penuntut akan dapat menjadi golongan remaja yang merealisasikan Wawasan 2035 yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, di samping menghayati semangat patriotisme yang akan menjadi benteng yang kukuh dalam menghadapi cabaran-cabaran pada masa akan datang.

Seramai 206 penuntut dari Tahun 7, 9 dan 10 hadir telah dihiburkan dengan persembahan pelakon tempatan dan pelakon dari Jabatan Penerangan yang juga mengendalikan Kuiz Kenegaraan yang disertai oleh seramai 15 orang penuntut.

Penyampaian hadiah bagi pemenang kuiz tersebut disempurnakan oleh tetamu kehormat dan majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati daripada pihak sekolah dan sesi bergambar ramai.



KUIZ Kenegaraan disertai oleh para pelajar Ma'had Islam Brunei.

# BDASC mudah cara urusan pengurusan kewangan



ANTARA penyampai taklimat mengenai Brunei Darussalam Accounting Standards yang disampaikan oleh Pegawai Kewangan Bahagian Hasil, Dayang Nurul Fadilah binti Haji Osman, manakala taklimat mengenai Bank Usahawan disampaikan oleh Pegawai Perhubungan, Bank Usahawan, Awang Noor Azwan bin Awang Othman.

**Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed**

**KUALA BELAIT,** Isnin, 26 Februari. - Dalam usaha untuk membarigakan Brunei Darussalam Accounting Standards (BDAS) yang dikeluarkan oleh Brunei Darussalam Accounting Standards Council (BDASC) untuk digunapakai oleh entiti-entiti yang tidak berkepentingan awam di negara ini bermula pada 1 Januari lalu, satu sesi taklimat diadakan di Pusat Persidangan, Kuala Belait.

Taklimat dihadiri oleh komuniti peniaga dan usahawan serta pegawai-pegawai kerajaan di Daerah Belait.

Hadir menyampaikan taklimat ialah Pegawai Kewangan Bahagian Hasil, Dayang Nurul Fadilah binti Haji Osman, manakala taklimat mengenai Bank Usahawan disampaikan oleh Pegawai Perhubungan, Bank Usahawan, Awang Noor Azwan bin Awang Othman.

Tujuan piawaian-piawaian perakaunan tersebut dikeluarkan bagi memastikan tahap keseragaman dan konsistensi dalam penyediaan laporan kewangan oleh entiti-entiti yang berkenaan di negara ini.

Piawaian-piawaian perakaunan BDAS tersebut boleh diperoleh dan dimuat turun melalui laman sesawang BDASC di *bdasc.org*.

Bank Usahawan sudah mula beroperasi bagi memberikan kemudahan dari segi perkhidmatan pinjaman kewangan yang mematuhi Prinsip-prinsip Syariah (Syariah Compliant) kepada perusahaan-perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang dapat diakses dengan mudah (*accessible financing*).

Dalam temu bual bersama Ketua Pegawai Eksklusif, Kumpulan Syarikat Serikandi, Shaikh Haji Khalid bin Shaikh Haji Ahmad melahirkan pendapat bahawa sistem BDASC merupakan yang terbaik yang pernah disyorkan oleh Kementerian Kewangan yang sudah digunakan di negara luar.

Tambahnya, ia diperkenalkan agar susut nilai mutu kewangan dan perniagaan akan dapat terus dipantau dari semasa ke semasa melalui perniagaan jenis perusahaan kecil dan sederhana untuk mengawal aliran kewangan dengan lebih terperinci dan teliti serta tepat.

Jerayawara itu satu pendekatan yang amat bagus dan sudah pasti akan menemui cabaran-cabaran yang bakal dipelajari oleh peniaga-peniaga.

Sementara itu, salah seorang peniaga, Dayang Hajah Jariamah binti Abdul Rahman melahirkan pendapatnya tawaran yang diketengahkan oleh Bank Usahawan itu bermakna adanya peluang-peluang untuk para belia serta pengusaha yang sudah berdaftar dan bergiat aktif.

Taklimat juga dihadiri oleh penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dan sesi taklimat juga akan diadakan di Daerah Tutong dan Temburong.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Sekretariat BDASC di *bdasc@mof.gov.bn* atau melalui faksimile +673 2383932.

# Taklimat Kenegaraan suntik semangat patriotik penuntut



PEGAWAI Penerangan juga Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menyampaikan hadiah kepada penuntut yang menyertai Kuiz Kenegaraan.

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**PENGKALAN BATU,** Selasa, 27 Februari. - Lebih 140 penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Masin menghadiri Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' yang berlangsung di dewan serbaguna sekolah berkenaan.

Taklimat yang dikendalikan oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan itu juga dihadiri oleh Pengetua Sekolah Menengah Masin, Ivan Moore dan tenaga-tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan juga Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Beliau dalam taklimatnya antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Para penuntut kemudian menyaksikan klip video 'Kibarkanlah dengan Megah Bendera Negara' dan 'Semarak Pengibaran Bendera'.

Para penuntut juga menyertai Kuiz Kenegaraan diikuti dengan penyampaian hadiah kepada penuntut yang berjaya menjawab kuiz dengan tepat.

Program tersebut adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara dalam kalangan penuntut selain mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

# Terapkan tiga nilai utama Wawasan Negara kepada pelajar





**PROGRAM Keagamaan Senegara yang tertumpu di Sekolah Ugama Sungai Liang bagi Daerah Belait untuk bulan Februari yang bertemakan 'Peranan Pelajar Dalam Menjayakan Wawasan Negara' dihadiri seramai 167 murid (kiri dan kanan).**

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BELAIT**, Isnin, 26 Februari. - Program Keagamaan Senegara yang tertumpu di Sekolah Ugama Sungai Liang bagi Daerah Belait untuk bulan Februari yang bertemakan 'Peranan Pelajar Dalam Menjayakan Wawasan Negara' dihadiri 167 orang murid.

Program yang bermula sebelah petang itu diisikan dengan tazkirah disampaikan oleh Guru Kanan Amali Sekolah Ugama Sungai Liang, Awang Mohd. Rezal bin Yunos.

Tazkirah antara lain menekankan peranan pelajar sebagai aset yang sangat penting dalam menjayakan Wawasan Negara.

Wawasan 2035 merupakan gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang jauh ke hadapan bagi memastikan negara kita dikenali di seluruh dunia sebagai memiliki rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, dengan kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi serta ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Bagi mencapai wawasan ini, tiga nilai utama perlu diterapkan iaitu kesetiaan kepada sultan dan negara; keyakinan terhadap nilai-nilai Islam dan keharmonian sosial dan amalan tradisi.

Di samping itu, bagi menjayakan wawasan tersebut, pelajar-pelajar perlulah belajar bersungguh-sungguh, tidak melibatkan diri dengan gejala sosial, mematuhi peraturan dan undang-undang negara, menjadi teladan baik kepada adik-beradik dan rakan serta bersedia untuk memberikan sumbangan tenaga dan buah fikiran.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dikepalai oleh Awang Md. Hafiz Raziq bin Md. Radhi Norsadiqin; manakala bacaan Doa Yaa Siin oleh Awang Md. Haziq bin Haji Rozaini dan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Md. Alif bin Abdullah.

Pelita Brunei

# MINDA PEMBACA

## Cegah penyakit sebelum terlambat

PADA era globalisasi ini, masyarakat tidak lagi memberi keutamaan kepada kesihatan mereka. Perkara ini disebabkan ada segelintir masyarakat lebih bersikap materialistik dan tidak menghiraukan kesihatan. Setiap orang seharusnya mengamalkan gaya hidup yang sihat supaya dapat mewujudkan masyarakat yang sihat dan berkualiti. Gaya hidup sihat didefinisikan sebagai satu keadaan fizikal, minda dan sosial yang sihat, cergas, cerdas serta bebas daripada sebarang penyakit. Penjagaan dari segi pemakanan juga merupakan faktor penting dalam menjalani kehidupan yang sihat kerana ia dapat menghasilkan masyarakat yang bebas penyakit dan sihat dari segi mental dan fizikal. Langkah-langkah untuk menghindari penyakit harus diambil dengan segera sebelum terlambat kerana 'mencegah lebih baik daripada mengubati'.

Langkah pertama yang harus diambil adalah mengamalkan pemakanan yang seimbang dalam kehidupan seharian. Hal ini sangat dititikberatkan kerana amalan pemakanan dapat membantu seseorang itu untuk menghindari daripada pelbagai jenis penyakit. Amalan pemakanan yang sihat ialah mengelakkan makanan ringan dan bergas. Makanan berkhasiat serta yang mengandungi zat-zat yang diperlukan dalam tubuh badan manusia seperti makanan yang mengandungi tujuh nutrin yang diperlukan dalam tubuh badan. Pemakanan yang seimbang akan mendatangkan pelbagai jenis sumber tenaga di dalam tubuh badan. Oleh itu, pemakanan yang seimbang amat penting untuk menjaga kesihatan tubuh badan serta mewujudkan masyarakat yang sihat.

Langkah seterusnya adalah kebersihan diri dan persekitaran. Ia amat penting untuk menghindari sesuatu penyakit. Hal ini disebabkan persekitaran yang tidak bersih akan menyebabkan seseorang untuk menghidap pelbagai penyakit yang tidak dapat dijangka. Sebagai contoh, Demam Denggi, Malaria dan pelbagai penyakit yang lain akan mula aktif untuk merebak. Masyarakat setempat harus bekerjasama untuk membersih kawasan perumahan mereka supaya dapat mengelakkan diri dan penduduk setempat daripada dijangkit penyakit. Masyarakat setempat boleh menjalankan gotong-royong untuk membersihkan kawasan perumahan mereka.

Oleh yang demikian, kebersihan diri dan persekitaran adalah amat penting untuk menjamin kesihatan seseorang individu. Selain itu, senaman juga merupakan salah satu langkah untuk menghindari penyakit. Senaman dan aktiviti luaran dapat menenangkan mental serta fizikal seseorang individu. Hal ini dapat mengurangkan tekanan serta mengimbangkan emosi seseorang. Aktiviti senaman harus dilakukan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu supaya dapat menghasilkan badan yang cergas dan sihat. Senaman dapat meringankan badan serta mental yang penuh dengan pelbagai masalah seharian. Oleh itu, senaman memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat untuk menghindari diri daripada penyakit.

Secara kesimpulannya, kesihatan adalah komponen utama yang perlu diberi perhatian oleh setiap individu. Langkah-langkah ini dapat mewujudkan masyarakat yang sihat dari segi mental dan fizikal. Selain masyarakat, pihak-pihak lain juga harus memainkan peranan mereka untuk menghasilkan masyarakat yang sihat. Pihak kerajaan boleh mengadakan kempen gaya hidup sihat untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya kehidupan yang sihat.

**Nama : Azmi bin Mohamad Noor**
**No. K/P: 01-055467(K)**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Bandarku Ceria Kukuh Hubungan Bermasyarakat'.** Tarikh Tutup : **28 Februari 2018**
2. **'Hujung Minggu Tanpa Beg Plastik'.** Tarikh Tutup : **7 Mac 2018**
3. **'Bersiap Siaga Hadapi Bencana Alam'.** Tarikh Tutup : **14 Mac 2018**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi **BND75** Setiap Minggu

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## PENGIKLANAN JAWATAN SECARA BERGAJI HARI

## IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI

**TARIKH IKLAN : 28 FEBRUARI 2018. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 MAC 2018. BILANGAN IKLAN : 18 / 02 / 18 (SPA / BIKL)**

## PENGAMBILAN BERGAJI HARI

**Syarat-Syarat Am :**

A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

C) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negarai ini.

D) Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

## GH1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II
## JABATAN PERDANA MENTERI
## B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)
## KEKOSONGAN = EMPAT (04)
## KEKOSONGAN = SATU (01)

**KELAYAKAN MINIMUM :**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam / Keselamatan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :**

1. Membantu pegawai-pegawai atasan dalam hal-hal yang berhubung pengurusan dan pengendalian Sekretariat Jawatankuasa Keselamatan Negara.
2. Membantu pegawai-pegawai atasan dalam melaksanakan fungsi Sekretriat Jawatankuasa Keselamatan Negara dan arahan Jawatankuasa Keselamatan Negara termasuk pusat-pusat kawalan di bawah Jawatankuasa Keselamatan Negara.
3. Menyelaras dasar-dasar berkaitan keselamatan dan penguatkuasaan serta melaksanakan arahan mengenai langkah - langkah keselamatan dan penguatkuasaan.
4. Menyelaras tindakan - tindakan atas arahan Jawatankuasa Keselamatan Negara bersama agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan.
5. Membuat kertas kerja, kertas dasar serta analisa yang berkaitan dengan keselamatan dan penguatkuasaan.
6. Merangka *horizon scanning* bagi penghasilan *scenario planning* berkaitan keselamatan dan penguatkuasaan.
7. Menjalankan tugas-tugas khas lain yang diaturkan dan diarahkan oleh Ketua Sekretriat Jawatankuasa Keselamatan Negara dan pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**NOTA: Pemohon hendaklah melengkapkan borang SPA 1 dan menyertakan salinan-salinan Surat Beranak, kad pintar, surat-surat akuan, sijil-sijil yang berkenaan, dua keping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut:**

**TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN:**

**SETIAUSAHA TETAP**
**(HAL EHWAL KORPORAT DAN PENTADBIRAN AWAM),**
**JABATAN PERDANA MENTERI,**
**JALAN PERDANA MENTERI,**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BB3913,**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN ADALAH DUA (2) MINGGU SELEPAS DIIKLANKAN.**

**PEMBERITAHUAN :**

1. **Penggunaan Borang SPA/1**

**a. Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1.**

**b. Semua pemohon dikehendaki mengisikan satu (1) Borang SPA/1 khusus untuk satu (1)Jawatan sahaja kecuali jawatan adalah dari Jabatan yang sama.**

**c. Permohon yang memohon lebih dari satu (1) jawatan dikehendaki untuk mengisikan borang SPA/1 mengikut jumlah jawatan yang dipohonkan, kecuali jawatan adalah dari Jabatan yang sama.**

d. Borang SPA/1 boleh didapati dilaman sesawang Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (www.spa.gov.bn) klik 'Muat Turun' kemudian pilih Borang SPA/1 dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan **bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.**

e. **Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA/1 untuk pengesahan.**

f. Pemohon hendaklah menyertakan **dua keping gambar terkini berukuran passport.**

g. Bagi Iklan jawatan bilangan **GH 1 isikan satu (1) salinan sahaja borang SPA1.**

1. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil **Kerajaan**).
2. 4 Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut.
3. Permohonan yang lewat tidak akan dilayan.
4. Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat - Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut :

a) Pejabat Daerah Belait;

b) Pejabat Daerah Temburong.

c) Pejabat Daerah Tutong;

d) Jabatan Buruh, Bhg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar


IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 17/02/18 (SPA/BIKL)
Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 28 FEBRUARI 2018**
**TARIKH TUTUP: 21 MAC 2018**

1. **KETUA TUKANG PELAN**
**C.3-4 EB.5**
BAHAGIAN III
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
**KEKOSONGAN: SATU (01)**

2. **PENOLONG SKRIP**
**C.1-2 EB.3**
BAHAGIAN III
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
**KEKOSONGAN: SATU (01)**

3. **PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT I**
**D.3-4 EB.5**
BAHAGIAN IV
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI
JABATAN PERDANA MENTERI
**KEKOSONGAN: SATU (01)**

PERATURAN 38(B)

BILANGAN IKLAN 19/2018 (SPA/BIKL) / 20/2018 (SPA/BIKL) / 23/2018 (SPA/BIKL) / 24/2018 (SPA/BIKL)
Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.

**TARIKH IKLAN: 28 FEBRUARI 2018**
**TARIKH TUTUP: 28 MAC 2018 & 04 APRIL 2018**

1. **PENOLONG PENGARAH**
**KUMPULAN 2**
BAHAGIAN I
JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
**KEKOSONGAN: SATU (01)**

2. **PEGAWAI PERTANIAN KANAN**
**B.3**
BAHAGIAN II
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
**KEKOSONGAN: SATU (01)**

3. **PEGAWAI PELAJARAN KANAN (TEKNIKAL)**
**G.15**
BAHAGIAN II
INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
**KEKOSONGAN: TIGA (03)**

4. **PEGAWAI PELAJARAN KANAN**
**G.15**
BAHAGIAN II
PUSAT KERJASAMA SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
**KEKOSONGAN: SATU (01)**

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**
Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

**HELPLINE:**
**TALIAN DARUSSALAM 123**


MAKLUMAN TARIKH TUTUP IKLAN DILANJUTKAN

**Tarikh tutup iklan 17/02/2018 dilanjutkan ke 03/03/2018**

1. **KETUA PEMERIKSA TANAH**
JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN– C.3-4 EB.5

2. **PENOLONG PENGUASA KASTAM**
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN- C.1-2 EB.3

MAKLUMAN PEMBATALAN IKLAN

MENURUT PERATURAN 7(A)
BILANGAN IKLAN 55/07/17(SPA/BIKL)
TARIKH IKLAN: 03 JULAI 2017
**TARIKH TUTUP: 17 JULAI 2017**

1. **PENOLONG PENGUASA GERAKAN PELABUHAN**
**C.3-4 EB.5 EB.3**
BAHAGIAN III
JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
**KEKOSONGAN: DUA (02)**

MENURUT PERATURAN 7(A)
BILANGAN IKLAN 75/09/17 SPA /
TARIKH IKLAN: 11 SEPTEMBER 2017
**TARIKH TUTUP: 25 SEPTEMBER 2017**

2. **PENGUASA PERKAPALAN**
C.1-2 EB.3
BAHAGIAN III
JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
**KEKOSONGAN: DUA (02)**

MENURUT PERATURAN 38(A)
BILANGAN IKLAN 28/2017(SPA/BIKL)
TARIKH IKLAN: 19 OGOS 2017
**TARIKH TUTUP: 09 NOVEMBER 2017**

1. **PENOLONG PENDAFTAR KAPAL**
**C.3-4 EB.5**
BAHAGIAN III
JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
**KEKOSONGAN: SATU (01)**

**Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa iklan bagi jawatan tersebut di atas adalah dibatalkan oleh sebab-sebab yang tertentu.**

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**
Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

**HELPLINE:**
**TALIAN DARUSSALAM 123**

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**

## JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN

### 1. JAWATAN KOSONG DI KOMANWEL SEKRETARIAT

**Jawatan :**
**Asistant IT Services Officer - Young Professionals Programme**

TARIKH TUTUP : **8 Mac 2018**

UNTUK makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan-jawatan tersebut boleh didapati melalui laman sesawang : *http://thecommonwealth.org/jobs*

### 2. JAWATAN KOSONG DI COMMONWEALTH SECRETARIAT ARBITRAL TRIBUNAL (CSAT)

**Jawatan :**
**An Asia Region Representative on the Commonwealth Secretariat Arbitral Tribunal (CSAT)**

TARIKH TUTUP : **16 Mac 2018**

PENCALONAN dan *curriculum vitae* hendaklah dihadapkan terus kepada Ms. Madonn Lynch melalui e-mel *m.lynch@commonwealth.int*

---

**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

## TAWARAN UNTUK MEMAJUKAN TAPAK-TAPAK BAGI PERUSAHAAN PERTANIAN KOMERSIAL DI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN (KKP)

**BILANGAN : 02 / 2018**

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa di tapak-tapak pertanian seperti berikut :

**TAPAK PERTANIAN :**
1) Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Batong, Lot Batong 1(*Area 1*), bagi perusahaan pengeluaran biji benih padi hibrid selama 10 tahun (20 musim).

Borang-borang permohonan boleh didapati di Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510 mulai **26 Februari 2018** hingga **12 Mac 2018** dan tarikh akhir penghantaran borang-borang permohonan selewat-lewatnya hari **Isnin 19 Mac 2018 sebelum 3.00 petang**.

**Waktu Penjualan Borang Permohonan Tapak**

**ISNIN - KHAMIS**
**8.00 Pagi - 11.30 Pagi**
**1.45 Petang - 3.00 Petang**
**SABTU**
**8.00 Pagi - 10.00 Pagi**

Borang-borang permohonan yang lengkap dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dikembalikan dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan tajuk dan bilangan iklan serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemohon kepada :

**UNIT TAPAK JABATAN PERTANIAN**
**IBU PEJABAT JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN**
**JALAN MUHIBBAH,**
**LAPANGAN TERBANG LAMA**
**BERAKAS BB3510**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Pegawai Projek :**
Dayang Khairunnisa binti Haji Omar Ali
Tel : +673 8762428

Dayang Bibi Khadizah binti Haji Rusli
Tel : +673 8782851

Masjuwita binti Haji Muhin
Tel : +673 8654504

---

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

## IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN PEKERJA BERGAJI HARI BAGI JAWATAN :

**1. PEKERJA TINGKAT I**
**- 6 ORANG KEKOSONGAN.**

**2. PEKERJA TINGKAT III**
**- 15 ORANG KEKOSONGAN.**

**3. PEKERJA TINGKAT IV**
**- 4 ORANG KEKOSONGAN.**

**4. PEKERJA TINGKAT V**
**- 5 ORANG KEKOSONGAN.**

### JAWATAN PEKERJA TINGKAT I

**1. Kelayakan Minimum**
1.1 Mestilah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

1.2 Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

1.3 Mempunyai kelulusan 1 'A' Level dalam mata pelajaran yang bersesuaian ATAU BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa [NC] dalam jurusan mechanical atau elektrikal atau yang sebanding dengannya. Kelulusan yang lebih tinggi dalam jurusan yang bersesuaian adalah satu kelebihan.

1.4 Pernah menghadiri dan lulus kursus dalam penyelenggaraan peralatan mekanikal seperti *static & rotating equipment* atau pemeliharaan jentera diesel atau *instrumentation & control* atau yang sebanding dengannya daripada maktab-maktab kejuruteraan tempatan (IBTE) atau luar negara.

1.5 Mempunyai lesen memandu sekurang-kurangnya dalam Kelas 3. Mempunyai lesen memandu dalam kelas-kelas 2, 2A, 2B, 4, atau satu kelebihan.

1.6 Mahir dalam melaksanakan kerja-kerja pemasangan dan pengendalian sistem elektrikal dan mekanikal, boleh membaca dan memahami *electrical and mechanical schematic and single line diagram.*

1.7 Mempunyai pengetahuan dalam bidang *electrical, mechanical, thermal, hydraulic pr-inciples & practices, engine control systems* dan / atau *program logic controls system.*

1.8 Mahir menggunakan peralatan pengujian *electrical / calibration equipment* seperti : Digital-Volt-OHM-Meters (DVOM), Mega-ohmmeters, Power Quality Meters, dll dan penggunaan *calibrated mechanical tools* seperti *torque wrenches, dial indicators, micrometers and vacuum & pressure manometers* untuk mencari dan menganalisa kerosakan dan membaik pulih.

1.9 Hendaklah mendaftar ke Jobcentre Brunei [JCB], di bawah Unit Dasar dan Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri.

**2. Tugas dan Tanggungjawab :**
2.1 Bersedia untuk melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Unit, sama ada secara giliran / shift atau semasa kecemasan dimana sahaja khidmat jentera bergerak diesel diperlukan dan pada bila-bila masa ianya diperlukan.

2.2 Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemeliharaan secara bersistematik dan berjadual bagi jentera-jentera diesel bergerak jabatan yang dari berbagai buatan dan kapasiti, untuk memastikan jentera-jentera berfungsi disetiap waktu.

2.3 Membuat kerja-kerja pemeriksaan, pemeliharaan dan pengujian dengan bebanan dan tanpa bebanan, jentera diesel static di bangunan-bangunan strategic kerajaan bagi memastikan jentera dan alat *auto transfer* berfungsi dengan sempurna.

2.4 Melaksanakan *knowledge base diagnostic* dalam membaiki kerosakan pada jentera-jentera diesel bergerak.

2.5 Memastikan alat-alat ganti, pembekalan minyak diesel, minyak pelincir dan sebagainya dalam simpanan adalah pada kadar yang optima, sesuai dengan keperluan.

2.6 Melaksanakan pemeriksaan ke atas jentera-jentera diesel bergerak yang dipasang ditempat-tempat yang memerlukan dimasa kecemasan dan membuat pengisian minyak diesel pada bila-bila masa diperlukan.

2.7 Melaksanakan penghantaran dan pemasangan jentera diesel bergerak ke tempat-tempat yang diperlukan, sama ada secara berjadual atau semasa kecemasan (pada bila-bila masa diperlukan) dengan memastikan pemasangan adalah teratur, sempurna dan selamat.

### JAWATAN PEKERJA TINGKAT III

**1. Kelayakan Minimum**
1.1 Mestilah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

1.2 Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

1.3 Mempunyai kelulusan sekurang-kurang 1 'O' Level dalam mata pelajaran yang bersesuaian **ATAU** kelulusan yang sebanding dengannya.

1.4 Berkebolehan dalam menggunakan komputer adalah satu kelebihan.

1.5 Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik adalah satu kelebihan.

1.6 Hendaklah mendaftar ke Jobcentre Brunei [JCB], di bawah Unit Dasar dan Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri.

**2. Tugas dan Tanggungjawab :**
2.1 Menaip persuratan termasuk sistem failing dan susulan.

2.2 Tertakluk kepada fungsi Jabatan / Bahagian Unit, tanggungjawab juga termasuk pengurusan kewangan, memproses permohonan dan pentadbiran Pejabat.

2.3 Melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang disenaraikan oleh Kementerian / Jabatan di dalam huraian tugasnya [*Job Description*].

2.4 Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan pegawai atasan dari semasa ke semasa.

### JAWATAN PEKERJA TINGKAT IV

**1. Kelayakan Minimum :**
1.1 Mestilah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

1.2 Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

1.3 Mempunyai kelulusan akademik Penilaian Menengah Bawah [PMB] **ATAU** kelulusan yang sebanding dengannya.

1.4 Berkebolehan dalam menggunakan komputer adalah satu kelebihan.

1.5 Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik adalah satu kelebihan.

1.6 Hendaklah mendaftar ke Jobcentre Brunei [JCB], Di bawah Unit Dasar dan Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri.

**2. Tugas dan Tanggungjawab :**
2.1 Bertanggungjawab terhadap penghantaran persuratan.

2.2 Menerima dan merekod persuratan.

2.3 Menghadapkan persuratan kepada Pegawai atasan.

2.4 Melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti yang disenaraikan oleh Kementerian / Jabatan didalam huraian tugasnya [*Job Description*].

2.5 Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan pegawai atasan dari semasa ke semasa.

### JAWATAN PEKERJA TINGKAT V

**1. Kelayakan Minimum :**
1.1 Mestilah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

1.2 Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

1.3 Berumur diantara lapan belas [18] hingga empat puluh lima [45].

1.4 Sihat tubuh badan.

1.5 Tinggal di sekitar kawasan tempat bekerja akan diberi keutamaan.

1.6 Pandai menulis dan membaca dengan baik.

1.7 Hendaklah mendaftar ke Jobcentre Brunei [JCB], Di bawah Unit Dasar dan Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri.

**2. Tugas dan Tanggungjawab :**
2.1 Menjaga keselamatan bangunan dan pejabat dari sebarang pencerobohan.

2.2 Mencatit serta melaporkan kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku di dalam dan di luar bangunan dengan serta merta kepada pihak-pihak yang tertentu.

2.3 Membuat rondaan dalam dan luar bangunan di waktu malam.

2.4 Memastikan lampu-lampu di dalam bangunan dipadamkan selepas waktu bekerja.

2.5 Lain-lain tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Pegawai-Pegawai Kanan di Bahagian / Cawangan Unit dari semasa ke semasa.

2.6 Permohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas di Jabatan Perkhidmatan Elektrik di keempat-empat Daerah.

**PERINGATAN :**

1. Tarikh tutup pada hari **Khamis, 15 Mac 2018, Jam 4.00 Petang**.

2. Tempat mengambil borang dan menghantar borang permohonan :

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,**
**UNIT PERKEMBANGAN ORGANISASI,**
**BAHAGIAN PENTADBIRAN,**
**TINGKAT 3, JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS,**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BB3510**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

3. Pemohon hendaklah menyertakan Salinan Kad Pintar, 1 Keping Gambar berukuran pasport, Salinan Kad Jobcentre Brunei [JCB], Salinan Sijil berhenti sekolah dan Salinan Sijil Kelulusan.

4. Borang yang tidak lengkap dan lewat diterima pada tarikh yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan untuk memberikan sebut harga bagi penjualan kenderaan-kenderaan dan kerja-kerja pengangkutannya yang dihapuskan dari kira-kira seperti tersenarai di dalam borang sebut harga.

2. Yuran dokumen sebanyak **BND10.00** tunai (tidak dikembalikan) bagi satu borang sebut harga dan borang tersebut boleh diambil di alamat berikut :

**Bangunan Arkib, Aras Bawah,**
**Kementerian Pertahanan,**
**Bolkiah Garison**

3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam :

**Box No. 6, Peti Sebut Harga,**
**Bangunan Arkib, Aras Bawah,**
**Kementerian Pertahanan,**
**Bolkiah Garison**

4. Tarikh tutup : **Rabu, 21 Mac 2018, tidak lewat jam 10.00 Pagi**.

5. Tawaran yang **lewat diterima** dari tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan diterima** dan **dilayan**.

6. Keterangan yang dicatatkan di dalam borang sebut harga tersebut hendaklah diisikan dengan lengkap dan teratur mengikut syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa ini. Setiap sebut harga hendaklah dicatat dengan angka yang jelas dan betul termasuk jumlah perkataannya.

7. Harga bagi setiap tawaran hendaklah tidak kurang daripada harga-harga permulaan yang telah ditetapkan. Mana-mana tawaran yang kurang daripada harga-harga yang ditetapkan besar kemungkinan tidak akan dipertimbangkan.

8. Sebut harga Tuan / Puan tidak akan dilayan dan dipertimbangkan jika :

8.1 Tidak membubuh **TANDATANGAN, CAP SYARIKAT** (jika berkenaan) dan NOMBOR RESIT.
8.2 Mengubah apa-apa keterangan tawaran sebut harga dengan menggunakan *correction fluid*.

9. Dokumen sebut harga akan diberikan hanya setelah pemborong mengemukakan resit pembayaran yuran tawaran kepada Jawatankuasa Penghapusan Dari Kira-Kira, Kementerian Pertahanan.

10. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebut harga asal (*original*) yang telah disediakan. Borang-borang yang disalin tidak akan diterima dan dilayan.

11. Kenderaan-kenderaan yang dilelong ini bolehlah dilihat di tempat yang disediakan iaitu di **tempat penyimpanan kenderaan** (*casting area*) **di Berakas Garison.**

12. Pembeli yang berjaya dikehendaki **membayar penuh secara tunai** dan memindahkan kenderaan-kenderaan yang dibeli itu **tidak lewat (7) hari bekerja** dari tarikh makluman berjaya. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.

13. Jika sekiranya harga yang ditawarkan dan harga permulaan adalah sama / tidak berubah, sebut harga berkenaan tidak semestinya berjaya. Semua pembelian adalah berasaskan *as is* dan *where is*.

14. Waktu-waktu penerimaan pembayaran dan menyaksikan kenderaan-kenderaan tersebut adalah seperti berikut :

**Isnin** hingga **Khamis**
**8.00 Pagi** hingga **11.30 Pagi** dan
**2.00 Petang** hingga **3.00 Petang**
**Jumaat 8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**

15. Pihak Jawatankuasa Penghapusan Dari Kira-Kira, Kementerian Pertahanan berhak untuk mengeluarkan / menarik balik tawaran kenderaan-kenderaan berkenaan pada bila-bila masa sahaja.

**SYARAT-SYARAT WAJIB**

16. Pembeli yang berjaya mestilah menyediakan pengangkutan sendiri dan kelengkapan keselamatan kepada pekerja-pekerjanya bagi mengelakkan bahaya dan segala kerja-kerja pemindahan hendaklah dilaksanakan dengan selamat.

17. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

18. Pihak Jawatankuasa berhak membatalkan pembelian sekiranya penawar gagal menepati tempoh, peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

19. Kerajaaan tidak terikat untuk menerima keseluruhan atau sebahagian sebutharga yang dihadapkan.

20. Maklumat lanjut mengenai dengan kenderaan-kenderaan, lokasi-lokasi dan borang sebut harga berkenaan, sila hubungi pihak **RSSD Jabatanarah Logistik, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison di talian +673 2386900 / +673 2386533 / +673 2386147** untuk melihat / mengetahui keadaan kenderaan-kenderaan berkenaan.

**(1)**
**JUALAN SECARA SEBUT HARGA BAGI 13 BUAH KENDERAAN DAN TRAILER KERAJAAN KEPUNYAAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI DAN KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**SENARAI 13 BUAH KENDERAAN KERAJAAN YANG DIJUAL SECARA TAWARAN SEBUT HARGA 01 / 2018**

**1. LAND ROVER 110 GS**
**BIL. KENDERAAN : MOD 923**
**2. LAND ROVER 110 GS**
**BIL. KENDERAAN : MOD 941**
**3. LAND ROVER 110 FFR**
**BIL. KENDERAAN : MOD 1129**
**4. LAND ROVER 110 FIELD AMBULANCE**
**BIL. KENDERAAN : MOD 1209**
**5. LAND ROVER 110 GS**
**BIL. KENDERAAN : MOD 817**
**6. LAND ROVER 110 FFR**
**BIL. KENDERAAN : MOD 926**
**7. LAND ROVER 110 FFR**
**BIL. KENDERAAN : MOD 936**
**8. LAND ROVER 110 GS**
**BIL. KENDERAAN : MOD 828**
**9. LAND ROVER 110 GS**
**BIL. KENDERAAN : MOD 829**
**10. LAND ROVER 110 GS**
**BIL. KENDERAAN : MOD 830**
**11. LAND ROVER 110 GS**
**BIL. KENDERAAN : MOD 763**
**12. LAND ROVER 110 DEFENDER GS BIL. KENDERAAN : MOD 145 S**
**13. LEYLAND 4 TON TRUCK**
**BIL. KENDERAAN : MOD 1379**

* Kenderaan yang tersebut di atas bolehlah dilihat di tempat penyimpanan kereta *casting area*, Berakas Garison.

** Untuk keterangan lanjut hubungi pihak **RSSD di talian +673 2386900 / +673 2386533 / +673 2386147**

Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk dan bilangan sebut harga yang berkenaan tanpa menyatakan identiti penawar dan dihantar ke alamat di bawah ini dengan mengikut arahan yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga ini.

**TAWARAN PEMBELIAN & PENGANGKUTAN BARANG YANG DIHAPUSKAN DARI KIRA-KIRA KEMENTERIAN PERTAHANAN RUJUKAN : MINDEF / DFA / MWOC / L / 1 (01 / 2018)**

**(2)**
**JUALAN SECARA SEBUT HARGA BAGI 6 BUAH KENDERAAN DAN TRAILER KERAJAAN KEPUNYAAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI DAN KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**SENARAI 6 BUAH KENDERAAN KERAJAAN YANG DIJUAL SECARA TAWARAN SEBUT HARGA 02 / 2018**

**1. FOR TRANSIT HIGH ROOF AMBULANCE**
**BIL. KENDERAAN : MOD 1583**
**2. 110 FFR LAND ROVER 3/4 TON**
**BIL. KENDERAAN : MOD 87S**
**3. 110 FFR LAND ROVER 3/4 TON**
**BIL. KENDERAAN : MOD 1202**
**4. TOYOTA COASTER MEDIUM BUS BIL. KENDERAAN : MOD 130S**
**5. MITSUBISHI ROSA MEDIUM BUS BIL. KENDERAAN : MOD 196S**
**6. TRUCK LEYLAND 4 TON**
**BIL. KENDERAAN : MOD 1346**

* Kenderaan yang tersebut di atas bolehlah dilihat di tempat penyimpanan kereta *casting area,* Berakas Garison

** Untuk keterangan lanjut hubungi pihak **RSSD di talian +673 2386900 / +673 2386533 / +673 2386147**

Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk dan bilangan sebut harga yang berkenaan tanpa menyatakan identiti penawar dan dihantar kepada alamat di bawah ini dengan mengikut arahan yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga ini.

**TAWARAN PEMBELIAN & PENGANGKUTAN BARANG YANG DIHAPUSKAN DARI KIRA-KIRA KEMENTERIAN PERTAHANAN RUJUKAN : MINDEF / DFA / MWOC / L / 1 (02 / 2018).**

---

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

(1)
**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KELAS II & KATEGORI KPB12**

Tarikh buka tawaran pada :
**14 Februari 2018 (Rabu)**

Tarikh tutup pada :
**28 Februari 2018 (Rabu)**
**sebelum jam 2.00 Petang**

Ditutup di :
**Jabatan Alam Sekitar**
**Taman dan Rekreasi**
**Tingkat 1**
**Bangunan Tumasek Plaza**
**Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha**
**Bandar Seri Begawan, BA2111**
**Negara Brunei Darussalam.**

**JASTRE / QTN / Q099 / 2017 (R)**
**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ALAT-ALAT 'RECOVERY' DAN KITAR SEMULA BAGI GAS-GAS PENYEJUK UNTUK JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI**

NO. PROJEK :
**JASTRE / QTN099 / 2017 (R)**

JUMLAH YURAN TAWARAN :
**BND10.00 (tidak dikembalikan)**

(2)
**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KELAS II, III & KATEGORI S01**

Tarikh buka tawaran pada :
**7 Februari 2018 (Rabu)**

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran :
**20 Februari 2018 (Selasa)**

Tarikh tutup pada :
**6 Mac 2018 (Selasa)**
**sebelum jam 2.00 Petang.**
(ditutup di
Pejabat Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian Pembangunan
Lapangan Terbang Lama Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam).

**JASTRE / BKP / T001 / 2018**

**PERKHIDMATAN BANTUAN BAGI KERJA-KERJA KUTIPAN SAMPAH DAN PEMBERSIHAN UNTUK MANA-MANA KAWASAN DAN TEMPAT DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**
**NO. PROJEK :**
**JASTRE / BKP / T001 / 2018**

JUMLAH YURAN TAWARAN :
**BND30.00 (tidak dikembalikan)**

(3)
**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KELAS III, IV, V ATAU VI**

Tarikh buka tawaran pada :
**28 Februari 2018 (Rabu)**

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran :
**13 Mac 2018 (Selasa)**

Tarikh tutup pada :
**27 Mac 2018 (Selasa)**
**sebelum jam 2.00 Petang.**
(ditutup di
Pejabat Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian Pembangunan
Lapangan Terbang Lama Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam).

**JASTRE / BKP / T004 / 2018**

**PEKERJA-KERJA OPERASI DAN PEMELIHARAAN DI STESEN PINDAH SUNGAI AKAR DAN TAPAK PELUPUSAN SUNGAI PAKU BAGI TEMPOH LIMA TAHUN**
**NO. PROJEK :**
**JASTRE / BKP / T004 / 2018**

JUMLAH YURAN TAWARAN :
**BND2000.00 (tidak dikembalikan)**

**Keperluan-Keperluan Khas:**

1. Sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam kerja-kerja kejuruteraan awam atau bidang-bidang berkaitan dan / atau disiplin-disiplin yang setara.

2. Sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam pengurusan stesen pindah sisa pepejal.

3. Sekurang-kurangnya due (2) tahun pengalaman dalam pengurusan tapak pelupusan sanitari atau mesra alam, termasuk kerja-kerja operasi loji rawatan air kumbahan atau air sampah.

KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada **Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan**, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 14 Februari 2018**.. Sila layari laman sesawang Kementerian Kesihatan *www.moh.gov.bn*.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti Pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
**Peti Tawaran, Tingkat Bawah,**
**Kementerian Kesihatan,**
**Commonwealth Drive**
**Bandar Seri Begawan BB 3910**
**Negara Brunei Darussalam**

3. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di **Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan** semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**
**Isnin - Khamis**
**8.00 Pagi - 11.00 Pagi**
**2.00 Petang - 3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.00 Pagi - 10.00 Pagi**

4. Mana-mana Pemborong yang berhasrat untuk menyertai tawaran-tawaran yang diiklankan di bawah Kementerian Kesihatan disarankan untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai dengan persyaratan-persyaratan tawaran di dalam laman sesawang Kementerian Kesihatan *www.moh.gov.bn*.

**TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KK / 12 / 2018 (ESTETMOH)(TC)**
**KETERANGAN :**
**THE PROVISION OF CLEANING SERVICES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES, LOT 65943 KAMPONG MADARAS, MUKIM GADONG 'A' FOR A PERIOD OF THREE(3) YEARS**
**YURAN TAWARAN :**
**BND50.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 01 / 2018**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan pemborong / pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap 114)
**YURAN TAWARAN :**
**BND500.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 02 / 2018**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan pemborong / pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap 114)
**YURAN TAWARAN :**
**BND500.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 03 / 2018**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan pemborong / pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap 114)
**YURAN TAWARAN :**
**BND50.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 04 / 2018**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan pemborong / pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap 114)
**YURAN TAWARAN :**
**BND50.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 05 / 2018**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan pemborong / pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap 114)
**YURAN TAWARAN :**
**BND50.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 06 / 2018**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan Pemborong / Pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap 114)
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 07 / 2018**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan pemborong / pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap 114)
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 08 / 2018**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan pemborong / pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap 114)
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 09 / 2018**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan pemborong / pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap 114)
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 10 / 2018**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan pemborong / pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap 114)
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**DRG / 11 / 2018**
**KETERANGAN :**
**THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**Kelayakan pemborong / pembekal :**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap 114)
**YURAN TAWARAN :**
**BND30.00**

**TARIKH TUTUP :**
**20 Mac 2018**
**(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

**IKLAN *WEBSITE* PADA 14 FEBRUARI 2018.**

KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada **Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan**, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 14 Februari 2018**. Sila layari laman sesawang Kementerian Kesihatan *www.moh.gov.bn*.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti Pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
**Peti Tawaran, Tingkat Bawah,**
**Kementerian Kesihatan,**
**Commonwealth Drive**
**Bandar Seri Begawan BB 3910**
**Negara Brunei Darussalam**

3. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di **Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan** semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**
**Isnin - Khamis**
**8.00 Pagi - 11.00 Pagi**
**2.00 Petang - 3.00 Petang**
**Sabtu**
**8.00 Pagi - 10.00 Pagi**

4. Mana-mana Pemborong yang berhasrat untuk menyertai tawaran-tawaran yang diiklankan di bawah Kementerian Kesihatan disarankan untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai dengan persyaratan-persyaratan tawaran di dalam laman sesawang Kementerian Kesihatan *www.moh.gov.bn*.

**TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KK / 06 / 2018 (LAB)(TC)**
**KETERANGAN :**
**THE PROVISION OF OUTSOURCING CLINICAL LABORATORY TESTS FOR HISTOLOGY, CYTOLOGY & MORTUARY SECTION DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, MINISTRY OF HEALTH OF BRUNEI DARUSSALAM FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**YURAN TAWARAN :**
**BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KK / 07 / 2018 (LAB) (TC)**
**KETERANGAN :**
**THE PROVISION OF OUTSOURCING CLINICAL LABORATORY TESTS FOR HAEMATOLOGY SECTION, DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, MINISTRY OF HEALTH OF BRUNEI DARUSSALAM FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**YURAN TAWARAN :**
**BND50.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KK / 08 / 2018 (LAB) (TC)**
**KETERANGAN :**
**THE PROVISION OF OUTSOURCING CLINICAL LABORATORY TESTS FOR VIROLOGY SECTION, DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, MINISTRY OF HEALTH OF BRUNEI DARUSSALAM FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**YURAN TAWARAN :**
**BND50.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KK / 09 / 2018 (LAB) (TC)**
**KETERANGAN :**
**THE PROVISION OF OUTSOURCING CLINICAL LABORATORY TESTS FOR NATIONAL TB REFERENCE LABORATORY, DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, MINISTRY OF HEALTH OF BRUNEI DARUSSALAM FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**YURAN TAWARAN :**
**BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KK / 10 / 2018 (LAB) (TC)**
**KETERANGAN :**
**THE PROVISION OF OUTSOURCING CLINICAL LABORATORY TESTS FOR CLINICAL CHEMISTRY LABORATORY SECTION, DEPARTMENT OF LABORATORY SERVICES, MINISTRY OF HEALTH OF BRUNEI DARUSSALAM FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**
**YURAN TAWARAN :**
**BND100.00**

**BILANGAN TAWARAN :**
**KK / 11 / 2018 (UPP) (TC)**
**KETERANGAN :**
**THE PROVISION OF TRANSPORTATION SERVICES FOR RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**

**Kelayakan pemborong / pembekal:**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perhubungan

**Kelas / Kategori :**
Permit Kereta Sewa Pandu Sendiri (KSPS), Permit S dan Permit Bas Sewa Khas

**YURAN TAWARAN :**
**BND50.00**

**TARIKH TUTUP :**
**6 MAC 2018**
**(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

## RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN BAGI BULAN MAC 2018 DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA

| BIL | KETERANGAN | JAYA CENTERPOINT HYPERMARKET SDN BHD (GADONG) | SIM KIM HUAT TRADING CO SDN BHD (KIULAP) | SIM KIM HUAT TRADING CO SDN BHD (SENGKURONG) | SUPA SAVE & SMART (MATA-MATA) | SUPA SAVE & SMART (MABOHAI) | SUPA SAVE & SMART (TELANAI) | UTAMA GRAND SUPERSTORE SDN BHD (GADONG MALL) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **Mentega / Marjerin** | | | | | | | |
| | GOLDEN CHURN - 340 g | $ 5.40 | $ 6.50 | $ 5.50 | $ 5.95 | $ 5.95 | $ 5.95 | $ 6.39 |
| | QBB - 454 g | $ 7.80 | $ 7.79 | $ 7.39 | $ - | $ - | $ - | $ - |
| | PLANTA; Margarine - 480 g | $ 3.50 | $ 3.99 | $ 3.39 | $ 3.90 | $ 3.90 | $ 3.90 | $ 3.39 |
| 2 | **Makanan dalam tin** | | | | | | | |
| | YEO'S; Chicken Curry - 145 g | $ 1.49 | $ 1.50 | $ 1.50 | $ 1.55 | $ 1.55 | $ 1.55 | $ 1.50 |
| | REX; Chicken Curry - 160 g | $ 1.25 | $ 1.50 | $ 1.30 | $ - | $ - | $ - | $ 1.69 |
| | AYAM BRAND; Sardine In Tomato Sauce Tall - 230 g | $ 2.35 | $ 2.09 | $ 2.20 | $ 2.40 | $ 2.40 | $ 2.40 | $ 2.50 |
| | KARA; Natural Coconut Extract - 200 ml | $ 1.10 | $ 0.99 | $ 1.05 | $ 1.10 | $ 1.10 | $ 1.10 | $ 1.05 |
| | AYAM BRAND; Coconut Milk Blue Tin - 270 ml | $ 1.80 | $ 1.80 | $ 1.80 | $ 1.90 | $ 1.90 | $ 1.90 | $ 1.80 |
| | CHAKOAH; Coconut Milk Gata - 400 ml | $ 1.59 | $ 1.65 | $ 1.70 | $ 1.90 | $ 1.90 | $ 1.90 | $ 1.80 |
| | BABU KITCHEN; Coconut Milk Indo - 400 ml | $ 1.65 | $ 1.55 | $ 1.60 | $ 1.90 | $ 1.90 | $ 1.90 | $ 1.60 |
| 3 | **Telor ayam** | | | | | | | |
| | 1 Tray (30 biji) (Size M/B) - 1 tray | $ 5.10 | $ 4.30 | $ 4.50 | $ - | $ - | $ - | $ - |
| 4 | **Susu pekat manis** | | | | | | | |
| | F&N - 390 g | $ 1.00 | $ - | $ - | $ 1.05 | $ 1.05 | $ 1.05 | $ 1.00 |
| | MILKMAID - 388 g | $ 1.10 | $ 1.05 | $ 1.05 | $ 1.25 | $ 1.25 | $ 1.25 | $ 1.15 |
| | TEAPOT - 388 g | $ 1.05 | $ - | $ - | $ 1.15 | $ 1.15 | $ 1.15 | $ - |
| 5 | **Minyak masak** | | | | | | | |
| | SANIA - 5 ltr | $ 7.20 | $ 7.20 | $ 7.10 | $ 7.20 | $ 7.20 | $ 7.20 | $ - |
| | SERI MURNI - 5 kg | $ 7.99 | $ 7.99 | $ 7.99 | $ 8.45 | $ 8.45 | $ 8.45 | $ 7.99 |
| | MAZOLA; Corn - 3 kg | $ - | $ 15.75 | $ 15.90 | $ 16.80 | $ 16.80 | $ 16.80 | $ 14.99 |
| | NATUREL; Sunflower - 3 kg | $ - | $ 10.50 | $ 10.20 | $ 10.80 | $ 10.80 | $ 10.80 | $ 10.80 |
| | LABOUR @ CAP BURUH - 5 kg | $ 9.49 | $ 10.40 | $ 10.40 | $ 11.50 | $ 11.50 | $ 11.50 | $ 10.45 |
| | SUNCO; Vegetable - 5 ltr | $ 8.65 | $ 9.29 | $ 8.69 | $ 9.80 | $ 9.80 | $ 9.80 | $ 8.99 |
| | COLAVITA; Olive Oil - 1 ltr | $ 8.95 | $ - | $ - | $ - | $ - | $ - | $ 7.99 |
| | FRAGATA; Olive Oil - 1 ltr | $ - | $ - | $ - | $ - | $ - | $ - | $ 12.99 |
| | NATUREL; Olive Oil - 750 ml | $ 8.70 | $ - | $ - | $ - | $ - | $ - | $ - |
| | OLITALIA 100% Pure Olive Oil - 1 ltr | $ - | $ - | $ - | $ 10.90 | $ 10.90 | $ 10.90 | $ - |
| 6 | **Minuman berperisa sirap** | | | | | | | |
| | F&N SUN VALLEY; Grenadine - 2 lit | $ 4.60 | $ 4.39 | $ 4.70 | $ 5.20 | $ 5.20 | $ 5.20 | $ - |
| | F&N SUN VALLEY; Rose - 2 lit | $ - | $ - | $ - | $ 5.20 | $ 5.20 | $ 5.20 | $ - |
| | F&N SUN VALLEY; Sarsi - 2 lit | $ 4.60 | $ 4.99 | $ 3.50 | $ 5.20 | $ 5.20 | $ 5.20 | $ - |
| | RIA KORDIAL; Rose - 2 lit | $ - | $ 4.49 | $ 4.60 | $ - | $ - | $ - | $ - |
| | RIA KORDIAL; Sarsi - 2 lit | $ - | $ 4.49 | $ 4.40 | $ - | $ - | $ - | $ - |
| | ROSE; Rose Syrup Flavour - 750 ml | $ 3.85 | $ 4.29 | $ 3.99 | $ 4.00 | $ 4.00 | $ 4.00 | $ 3.79 |
| 7 | **Pencuci pakaian** | | | | | | | |
| | EKONOMI; Handalan Putih Kekal Baru - 2.5 kg | $ - | $ - | $ - | $ 5.50 | $ 5.50 | $ 5.50 | $ - |
| | DAIA; Excellent Washing Powder - 2.5 kg | $ 5.89 | $ 5.99 | $ 5.99 | $ 6.50 | $ 6.50 | $ 6.50 | $ 5.99 |
| | BREEZE; Liquid Detergent - 2000 ml | $ - | $ 4.99 | $ 5.40 | $ 8.30 | $ 8.30 | $ 8.30 | $ - |
| | CLOROX; Liquid Bleach - 1 lit | $ - | $ 1.95 | $ 1.90 | $ 2.00 | $ 2.00 | $ 2.00 | $ 1.90 |
| | COCOREX; Liquid Bleach - 1 lit | $ - | $ 1.70 | $ 1.50 | $ 1.60 | $ 1.60 | $ 1.60 | $ 1.65 |
| 8 | **Mee kering** | | | | | | | |
| | Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah - 400 g | $ 1.95 | $ 1.90 | $ 1.85 | $ - | $ - | $ - | $ 1.80 |
| | Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong - 150 g | $ 0.55 | $ 0.45 | $ 0.50 | $ 0.55 | $ 0.55 | $ 0.55 | $ - |
| | Wai Wai Oriental Style - 400 g | $ 1.25 | $ 1.30 | $ 1.30 | $ 1.05 | $ 1.05 | $ 1.05 | $ 1.29 |
| | CAP LIMAU; Mee Hoon - 400 g | $ 1.15 | $ 1.10 | $ 1.05 | $ 1.00 | $ 1.00 | $ 1.00 | $ 1.10 |
| 9 | **Minuman** | | | | | | | |
| | BOH; Tea - 200 g | $ - | $ 2.50 | $ 2.60 | $ 2.60 | $ 2.60 | $ 2.60 | $ - |
| | LIPTON; Yellow label - 200 g | $ 2.15 | $ - | $ - | $ 4.45 | $ 4.45 | $ 4.45 | $ 2.00 |
| | NESCAFE; Classic - 200 g | $ - | $ 5.99 | $ 6.50 | $ 8.70 | $ 8.70 | $ 8.70 | $ 7.50 |
| | SEHAT; Botol - 1.5 litre | $ 0.65 | $ 0.80 | $ 0.75 | $ 0.80 | $ 0.80 | $ 0.80 | $ 0.70 |
| | SUCI; Botol - 1.5 litre | $ 0.60 | $ 0.80 | $ 0.65 | $ 0.80 | $ 0.80 | $ 0.80 | $ 0.60 |
| 10 | **Susu cair** | | | | | | | |
| | COW BELL - 400 g | $ 1.05 | $ 0.99 | $ 0.99 | $ - | $ - | $ - | $ - |
| | F&N - 400 g | $ 1.15 | $ 1.10 | $ 1.10 | $ - | $ - | $ - | $ 1.15 |
| | IDEAL - 405 g | $ 1.25 | $ 1.29 | $ 1.35 | $ 1.45 | $ 1.45 | $ 1.45 | $ - |
| 11 | **Tepong** | | | | | | | |
| | PRIMA; Plain - 1 kg | $ 2.15 | $ 2.09 | $ 2.20 | $ 2.40 | $ 2.40 | $ 2.40 | $ 2.15 |
| 12 | **Susu tepung berformula** | | | | | | | |
| | DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Asli - 900 g | $ 8.35 | $ 8.29 | $ 8.39 | $ 11.30 | $ 11.30 | $ 11.30 | $ 8.75 |
| | DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Honey Date - 900 g | $ - | $ 8.29 | $ 8.39 | $ - | $ - | $ - | $ 8.75 |
| | DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Chocolate Strawberry - 900 g | $ - | $ 8.49 | $ 8.39 | $ - | $ - | $ - | $ 8.75 |
| | DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn)Fruit & Vegetable - 900 g | $ - | $ 9.79 | $ 9.99 | $ - | $ - | $ - | $ 10.80 |
| | DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Honey Date - 900 g | $ - | $ - | $ - | $ 11.30 | $ 11.30 | $ 11.30 | $ - |
| | DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Chocolate Strawberry - 900 g | $ - | $ - | $ - | $ 11.30 | $ 11.30 | $ 11.30 | $ - |
| | DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Fruits & Vegetables - 900 g | $ 10.20 | $ - | $ - | $ 13.50 | $ 13.50 | $ 13.50 | $ - |
| | NESTLE; Nan - 1 Pro Infant Formula (0 - 12 Bln)Langkah 1 (0 - 12 Mths) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - {Turquoise} - 700 g (350g X 2) | $ - | $ 26.49 | $ 27.00 | $ 27.50 | $ 27.50 | $ 27.50 | $ 27.39 |
| | NESTLE; Nan - 1 Pro Infant Formula (0 - 12 Bln)Langkah 1 (0 - 12 Mths) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - {Turquoise} - 900 g | $ 37.90 | $ - | $ - | $ - | $ - | $ - | $ - |
| | NESTLE; Nan - 2 Pro Follow Up Formula (6 Mths - 3 Yrs) Langkah 2 (6 Mths - 3 Yrs) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - 700 g (350g X 2) | $ - | $ 25.49 | $ 25.20 | $ 26.25 | $ 26.25 | $ 26.25 | $ - |
| | NESTLE; Nan - 3 Grow Formulated Milk Powder For Children (1 - 3 Yrs) Pro Grow Bifidus B, Optipro Lipidsmart DHA + ARA Stripe - {Blue} - 700 g (350g X 2) | $ - | $ 17.49 | $ 18.20 | $ 16.85 | $ 16.85 | $ 16.85 | $ - |
| 13 | **Ayam segar** | | | | | | | |
| | Whole Chicken (Bulat) - 1 kg | $ 4.59 | $ 4.29 | $ 4.15 | $ 4.50 | $ 4.50 | $ 4.50 | $ 4.49 |
| 14 | **Lampin bayi pakai buang** | | | | | | | |
| | DRYPERS; Wee Wee Dry Newborn (Up t0 5 kg) - NB 28 | $ - | $ 6.00 | $ 6.00 | $ 7.80 | $ 7.80 | $ 7.80 | $ - |
| | DRYPERS; Small (3-7 kg) - S 32 | $ - | $ 6.00 | $ 6.00 | $ 7.80 | $ 7.80 | $ 7.80 | $ - |
| | DRYPERS; Medium (6-11 kg) - M 28 | $ - | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.80 | $ 7.80 | $ 7.80 | $ 6.50 |
| | DRYPERS; Large (9-14 kg) - L 44 | $ - | $ 10.69 | $ 12.49 | $ 12.90 | $ 12.90 | $ 12.90 | $ 10.90 |
| | MAMY POKO; Newborn (Up t0 5 kg) - NB 28+2 | $ - | $ - | $ - | $ 13.90 | $ 13.90 | $ 13.90 | $ - |
| | MAMY POKO; Small (3-8 kg) - S 44 | $ - | $ 13.99 | $ 13.99 | $ 14.90 | $ 14.90 | $ 14.90 | $ 12.80 |
| | MAMY POKO; Medium (6-11 kg) - M 38 | $ 12.80 | $ 13.99 | $ 13.99 | $ 14.90 | $ 14.90 | $ 14.90 | $ 12.80 |
| | MAMY POKO; Large (9-14 kg) - L 32 | $ 12.80 | $ 13.99 | $ 13.99 | $ 14.90 | $ 14.90 | $ 14.90 | $ 12.80 |
| | EQ DRY; Newborn (Up t0 5 kg) - NB 20/22 | $ - | $ 3.80 | $ 3.95 | $ 3.80 | $ 3.80 | $ 3.80 | $ - |
| | EQ DRY; Small (3-7 kg) - S 40 | $ - | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.50 |
| | EQ DRY; Medium (6-11 kg) - M 36 | $ - | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.50 |
| | EQ DRY; Large (9-14 kg) - L 48 | $ - | $ 10.95 | $ 10.49 | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 7.50 | $ 10.50 |
| 15 | **Mee segera** | | | | | | | |
| | MAGGI; Curry - 80g x 5 | $ 1.35 | $ 1.49 | $ 1.49 | $ 1.75 | $ 1.75 | $ 1.75 | $ 1.39 |
| | MAGGI; Ayam - 80g x 5 | $ 1.45 | $ 1.49 | $ 1.49 | $ 1.75 | $ 1.75 | $ 1.75 | $ 1.39 |
| | MAGGI; Asam - 80g x 5 | $ 1.79 | $ 1.69 | $ 1.60 | $ 1.80 | $ 1.80 | $ 1.80 | $ 1.79 |
| | INDO FOOD; Mee Goreng - 80g x 5 | $ 1.59 | $ 1.55 | $ 1.65 | $ 1.70 | $ 1.70 | $ 1.70 | $ 1.40 |
| | INDO MIE; Mee Goreng (Old Packaging) - 80g x 5 | $ - | $ 1.59 | $ 1.35 | $ - | $ - | $ - | $ 1.65 |
| 16 | **Mayonis** | | | | | | | |
| | LADY'S CHOICE; Real Mayonnaise - 470 ml | $ 4.50 | $ 4.29 | $ 4.20 | $ 4.90 | $ 4.90 | $ 4.90 | $ 3.69 |
| 17 | **Milo (Malaysia)** | | | | | | | |
| | Nestle Milo - 1.5 kg | $ 10.90 | $ 10.19 | $ 10.90 | $ 12.90 | $ 12.90 | $ 12.90 | $ 9.99 |
| 18 | **Bawang** | | | | | | | |
| | Bawang besar - 1 kg | $ 1.30 | $ 0.99 | $ 0.99 | $ 1.20 | $ 1.20 | $ 1.20 | $ 1.80 |
| | Bawang putih - 1 kg | $ 2.99 | $ 2.80 | $ 1.99 | $ 2.20 | $ 2.20 | $ 2.20 | $ 3.99 |
| | Bawang merah - 1 kg | $ 2.90 | $ 5.99 | $ 4.50 | $ 5.90 | $ 5.90 | $ 5.90 | $ 5.50 |
| 19 | **Sos** | | | | | | | |
| | Lee Kum Kee; sos tiram - 510 gm | $ 2.80 | $ 2.60 | $ 2.65 | $ 5.95 | $ 5.95 | $ 5.95 | $ 2.19 |
| | HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Salty Soy Sauce - 645 ml | $ 3.10 | $ 2.99 | $ 3.20 | $ 3.60 | $ 3.60 | $ 3.60 | $ 2.99 |
| | HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Sweet Soy Sauce - 645 ml | $ 3.20 | $ 2.99 | $ 3.35 | $ 3.80 | $ 3.80 | $ 3.80 | $ 3.39 |
| | MAGGI; sos cili - 340 gm | $ 1.15 | $ 1.05 | $ 1.20 | $ 1.00 | $ 1.00 | $ 1.00 | $ 1.09 |
| | MAGGI; sos tomato - 325 gm | $ 0.99 | $ 0.99 | $ 1.00 | $ 0.90 | $ 0.90 | $ 0.90 | $ 0.99 |
| | ADABI; sos tiram- 510 gm | $ 2.70 | $ 2.29 | $ 2.60 | $ 2.30 | $ 2.30 | $ 2.30 | $ 2.29 |
| | NONA; sos tiram - 510 gm | $ 1.95 | $ 1.79 | $ 1.99 | $ 2.10 | $ 2.10 | $ 2.10 | $ 1.99 |

*Harga barang tertakluk kepada stok

*** Senarai penuh boleh diperolehi dari aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau laman sesawang www.depd.gov.bn/cad

Sebarang pertanyaan boleh hubungi JPKE +673223 0220 semasa waktu pejabat atau e-mel : aduanpengguna@jpke.gov.bn dan consumercomplaint@jpke.gov.bn

# Modal insan bercalak keBruneian

**Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong**
**Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan**
**Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja**



PEMBENTANG Kertas Perdana, Dr. Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid (kiri) dalam Kolokium Peranan Masyarakat dalam Pembentukan Kejayaan Pelajar.

PADA umumnya pengamalan dan penghayatan nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB) ini bukan sahaja dilaksanakan dalam jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian bahkan melibatkan pihak swasta serta keseluruhan masyarakat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sebagai tanda ketaatan kepada kepimpinan seorang raja yang menjadi Ulil Amri di Negara Brunei Darussalam. Sebagaimana yang telah difirmankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran Surah Al-Nisaa', ayat 59 yang bermaksud :

"*Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan Ulil Amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.*"

Oleh itu, sebagai bangsa Brunei adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan setiap individu yang bernaung di bawah panji-panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengamalkan dan menghayati nilai-nilai MIB yang menjadi teras kepada calak keBruneian. Sebagai orang Brunei yang benar-benar mengerti dan faham akan budaya dan adat istiadat bangsa Brunei tentulah tidak akan memalamkan atau mengampai-apaikan ataupun menyambaranakan setiap titah yang menjadi aturan dan undang-undang dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara khususnya yang berkaitan dengan MIB. Baginda Sultan memang tidak jemu-jemu telah mengingatkan rakyat dan penduduk negara ini untuk terus mengamal dan menghayati nilai-nilai MIB dan setakat ini sudah melebihi 50 titah yang berkaitan dengan MIB telah disampaikan secara rasmi sepanjang 33 tahun merdeka.

Nilai-nilai MIB perlu diamalkan dan dihayati berterusan kerana setiap masyarakat sentiasa mengalami perubahan dan cabaran. Maka anggota masyarakat khususnya daripada golongan generasi muda perlu diasuh dan dididik dengan calak keBruneian bagi memastikan kesinambungan kewujudan negara MIB. Ini adalah menjadi tanggungjawab keseluruhan rakyat untuk sama-sama memikul tanggungjawab mendidik dan menyemai nilai-nilai MIB kepada setiap golongan generasi belia yang bakal mewarisi bangsa Brunei. Dalam hal ini, selaras dengan matlamat Wawasan Negara 2035 yang mahukan kemajuan dan pembangunan yang dicapai beracuankan nilai-nilai MIB maka kita perlu membentuk dan melahirkan modal insan yang bercalak keBruneian.

Menurut Kamus Dewan, Modal ialah sesuatu yang digunakan untuk mencapai sesuatu yang lain. Ia juga bermaksud kelebihan untuk yang memiliki. Maksud 'Insan' ialah insan atau manusia yang dijelaskan sebagai makhluk yang diciptakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Pembinaan modal insan yang tepat dan betul akan membantu sesebuah negara melahirkan masyarakat yang dapat memastikan kejayaan masa depan negara tersebut. Justeru itu, untuk membangunkan modal insan, kita perlu memberi ilmu pengetahuan yang secukupnya, bagi mengasuh mereka menjadi bangsa Brunei yang mempunyai budi pekerti dan budi bahasa yang mulia, berawar galat, berhemah tinggi, berjiwa besar, taat kepada raja, agama dan negara serta mempunyai kekuatan jasmani, mental dan rohani yang kukuh. Bahkan insan Brunei itu mestilah menjadi rakyat yang memiliki semangat bajarih dan bakarih, berani, titih, inovasi serta rajin berusaha di samping mengamalkan nilai budaya yang luhur, halus lagi bermutu tinggi. Dari segi keilmuan juga amat penting pada era moden masa kini, sama ada kepandaian, kepintaran dan kepakaran dalam ilmu keduniaan dan juga akhirat. Ini semua adalah nilai-nilai yang perlu dimiliki oleh modal insan untuk persediaan ke arah pencapaian Wawasan Negara 2035.

Dalam erti kata yang lain modal insan ini benar-benar perlu memiliki dan mengamalkan calak keBruneian yang berteraskan nilai-nilai MIB. Dalam dunia era globalisasi masa kini, kita perlu mempunyai generasi muda yang memiliki nilai-nilai keBruneian yang kukuh sebagai benteng pertahanan dalam menghadapi segala cabaran yang rintangan. Dalam hal ini, generasi muda yang dimaksudkan mestilah mempunyai ciri-ciri modal insan yang positif untuk memastikan kesinambungan calak keBruneian diamalkan dan dihayati sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-24 pada 23 Februari 2008 :

"*Ejen pembawa perubahan, saperti institusi keluarga, institusi pendidikan dan dakwah. Media dan lain-lain, perlu melihat perkara ini dengan keinsafan yang mendalam, supaya kita dapat sama-sama fokus bagaimana mengubat dan sekali gus melahirkan modal insan yang berkualiti.*"

Makanya modal insan yang kita inginkan adalah modal insan yang menjadi aset penting dalam pembangunan dan kesinambungan ketamadunan sesebuah negara. Kita maklum bahawa modal insan yang dimaksudkan adalah terdiri daripada golongan pelajar, mahasiswa dan belia yang berintelektual dalam menjayakan rencana pembangunan negara ini. Justeru, pembangunan modal insan boleh difahami sebagai usaha untuk membangunkan keupayaan yang dimiliki oleh manusia itu sendiri. Secara umumnya, modal insan ini dilihat tidak sekadar mementingkan aspek pembangunan intelektual dan emosional bahkan melibatkan pembangunan spiritual dan keagamaan. Fokus utama kita akan diberikan kepada galakan dan usaha membina serta membangunkan modal insan yang bersifat holistik, lengkap dengan pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai nilai moral dan etika yang teguh. Modal insan tidak seharusnya dilihat dari sudut latihan, kemahiran, kepakaran, profesional, kelebihan maklumat dan sebagainya malah wajib mempunyai ciri-ciri pembangunan ke atas insan yang menerapkan sifat-sifat amanah, jujur, beragama, berbudaya yang berakhlak mulia, progresif, cergas, bertamadun dan sebagainya.

Keperluan dunia semata-mata tidak akan memberi kelebihan ke atas pembangunan modal insan kerana tujuan penciptaan manusia ialah jelas seperti maksud Surah Az-Zariyat ayat 56; "*Tidaklah Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Ku.*" Dengan hal itu, pembangunan insan yang sebenarnya adalah berteraskan MIB dan ugama Islam adalah menjadi tonggak utama sebagai pegangan dan panduan untuk kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Hasil akhir yang cemerlang adalah tonggak utama pembangunan modal insan dalam Islam kerana Islam telah menyediakan satu sistem hidup yang lengkap dari mula lahir hinggalah ke akhir hayat. Konsep pembangunan sumber manusia dalam Islam adalah proses menyeluruh untuk membentuk insan yang sempurna. Manusia yang lahir kelak akan menerima janji daripada Tuhannya iaitu; "*Jika sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan keberkatan dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami seksa mereka disebabkan perbuatannya.*" (Surah Al-Araf ayat 96).

Modal insan yang diketengahkan oleh Islam bukan hanya melahirkan individu yang pakar, mahir ataupun profesional dalam bidang masing-masing bahkan penuh dengan nilai-nilai positif seperti amanah, jujur, taat dan sebagainya. Pembentukan nilai-nilai ini tidak sekadar memenuhi kehendak organisasi malah untuk masyarakat dan negara bersandarkan ajaran Islam. Sehubungan dengan ini, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB sentiasa memberi kerjasama kepada semua pihak dalam usaha untuk menyebarkan daan mengukuhkan lagi kefahaman dan pengamalan nilai-nilai MIB dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara di bumi Brunei Darussalam. Dalam hal ini, Pejabat Sekretatriat Majlis Tertinggi MIB amat menghargai atas usaha murni Persatuan-Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SM PDSM) dan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA), yang telah mengadakan Kolokium Peranan Masyarakat dalam Pembentukan Kejayaan Pelajar yang membawa tema 'Generasi Berwawasan Berteraskan MIB' pada 10 Syaaban 1438 Hijrah bersamaan 7 Mei 2017 Masihi.

Program ini adalah julung-julung kalinya diadakan di negara ini. InsyaaAllah program ini akan dapat melahirkan dan meningkatkan lagi disiplin serta pencapaian akademik dalam kalangan para pelajar kita dalam melahirkan modal insan bercalak keBruneian. Ini juga adalah satu lagi cara atau pendekatan dalam proses pembelajaran dan pengajaran formal atau tidak formal dalam membentuk golongan pelajar supaya mempunyai sikap atau sifat bertanggungjawab, amanah, berintegriti, jujur, taat, komited, rajin, menghormati orang tua dan guru serta mempunyai semangat kebangsaan yang kukuh bersandarkan nilai-nilai keBruneian. Kualiti yang terdapat dalam nilai-nilai MIB inilah yang sepatutnya perlu dimiliki dan dicontohi oleh para belia di negara ini dalam usaha kita melahirkan modal insan bercalak keBruneian.

Oleh itu, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi MIB amat mengalu-alaukan apa jua kerjasama yang diberikan oleh mana-mana pihak dalam sama-sama menjalankan apa juga program untuk kepentingan rakyat dan penduduk negara ini bagi menanai tugas dan tanggungjawab sebagai rakyat dan pendudk negara ini. Misalnya dalam menanam dan menyemaikan nilai-nilai murni MIB dalam usaha kita sama-sama menanai tanggungjawab untuk mencapai Wawasan Negara 2035 bagi kelangsungan ketamadunan bangsa Brunei.



TETAMU kehormat bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Kolokium Peranan Masyarakat dalam Pembentukan Kejayaan Pelajar.

Pelita BRUNEI

# Hukum sembahyang apabila terpaling dari arah kiblat




**(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

MENGHADAP kiblat merupakan salah satu daripada syarat sah sembahyang. Jika seseorang tidak menghadap kiblat ketika mengerjakan sembahyang maka sembahyangnya tidak sah melainkan semasa dalam ketakutan seperti dalam peperangan sama ada sembahyang fardu ataupun sunat dan sembahyang sunat ketika dalam pelayaran yang bukan maksiat yang susah baginya untuk menghadap kiblat.

Tuntutan menghadap kiblat *tsabit* dalam Al-Quran sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala :

**Tafsirnya :** *"Dan dari mana sahaja engkau keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram (Kaabah)."*

(Surah Al-Baqarah : 150)

Kewajipan menghadap kiblat itu juga *tsabit* dalam hadis sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma, beliau berkata :

**Maksudnya :** *"Ketika Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam masuk ke Baitullah (Kaabah), Baginda berdoa di setiap sudut Kaabah. Baginda tidak mengerjakan sembahyang sehinggalah Baginda keluar daripadanya. Ketika Baginda keluar, Baginda mengerjakan sembahyang dua rakaat di hadapan Kaabah. Lalu Baginda bersabda : "Inilah kiblat."*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Oleh itu, mereka yang ingin mengerjakan sembahyang hendaklah memastikan dadanya, iaitu keseluruhan lebar badannya menghadap ke kiblat. Jika sebahagian daripada lebar badannya terkeluar daripada menghadap kiblat maka tidak sah sembahyangnya.

Dalam perkara menghadap kiblat ini, bagaimana pula kedudukan hukum bagi orang yang sembahyang terpaling dari arah kiblat disebabkan lupa atau dipaksa?

**Hukum Sembahyang Apabila Terpaling Dari Arah Kiblat**

Untuk menjelaskan kedudukan hukum sembahyang apabila terpaling dari arah kiblat ini dilihat pada tiga keadaan berikut :

1) Berpaling dari arah kiblat dengan senghaja

Jika seseorang yang mengerjakan sembahyang fardu ataupun sunat itu senghaja memalingkan sebahagian dadanya dari arah kiblat maka batal sembahyangnya.

2) Berpaling dari arah kiblat disebabkan lupa

Jika seseorang yang mengerjakan sembahyang fardu ataupun sunat itu memalingkan sebahagian dadanya dari arah kiblat disebabkan lupa, maka sembahyangnya sah apabila dia kembali menghadapkan dadanya semula ke kiblat dalam kadar yang segera. Akan tetapi jika dia kembali menghadap ke kiblat dalam jangka masa yang lama maka batal sembahyangnya sebagaimana menurut pendapat yang ashah.

Perkara ini sama kedudukannya dengan hukum orang yang berkata-kata ketika sembahyang disebabkan lupa.

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, beliau berkata :

**Maksudnya :** *"Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam mendirikan Sembahyang Zuhur atau Asar bersama kami lalu Baginda memberi salam. Dzu al-Yadain pun bertanya kepada Baginda : "Ya Rasulullah! Adakah sembahyang dipendekkan?" Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya kepada para sahabatnya : "Adakah benar apa yang dikatakannya?" Mereka menjawab : "Ya!" Lalu Baginda mendirikan sembahyang dua rakaat lagi kemudian melakukan dua kali sujud (Sujud Sahwi)."*

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Hadis ini menjelaskan bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam tertinggal dua rakaat sembahyang kerana lupa dan Baginda berkata-kata sedikit bertanyakan perkara yang lupa itu kepada sahabat lalu menyambung sembahyang dengan menambah dua rakaat yang tertinggal itu. Ini menunjukkan bahawa sembahyang sah dengan berkata-kata sedikit kerana lupa. Walau bagaimanapun, jika berkata-kata banyak kerana lupa maka batal sembahyang.

3) Berpaling dari arah kiblat disebabkan paksaan orang lain

Jika seseorang yang mengerjakan sembahyang fardu ataupun sunat itu memalingkan sebahagian dadanya dari arah kiblat disebabkan paksaan orang lain maka batal sembahyangnya apabila dia kembali menghadap ke kiblat dalam jangka masa yang lama. Demikian juga menurut pendapat yang muktamad, batal sembahyangnya walaupun dia kembali menghadap ke kiblat dalam kadar yang segera kerana ia jarang berlaku.

Perlu diingat, perkara ini boleh berlaku ketika seseorang menyusup masuk di tengah-tengah saf di antara dua orang yang sedang sembahyang lalu menyebabkan orang yang sedang sembahyang itu terpaling dari arah kiblat, nescaya sembahyang orang tersebut batal walaupun dia kembali menghadap ke kiblat dalam kadar yang segera.

Perkara ini sama kedudukannya dengan hukum orang yang berkata-kata ketika sembahyang disebabkan paksaan orang lain. Orang yang berkata-kata ketika sembahyang disebabkan paksaan sama ada berkata-kata sedikit ataupun banyak adalah membatalkan sembahyang.

Demikian penjelasan mengenai hukum sembahyang apabila terpaling dari arah kiblat sama ada disebabkan senghaja, paksa ataupun lupa. Perkara ini perlu diketahui dan diambil perhatian bagi mencapai kesempurnaan sembahyang.

# Berbuat baik kepada anak yatim dan fakir miskin

SESUNGGUHNYA anak yatim dan fakir miskin adalah golongan yang berhak mendapatkan perhatian dan pembelaan. Mereka tergolong dalam kalangan orang-orang yang lemah (*dhu'afa*). Itulah sebab mengapa umat Islam diperintahkan Allah Subhanahu Wata'ala supaya mengambil berat, memberi perhatian, berbuat baik, menyayangi dan prihatin terhadap golongan yang kurang bernasib baik ini sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 83 yang tafsirnya :

*"Berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin."*

Daripada ayat tersebut dapatlah diambil kesimpulan bahawa berbuat baik, mengambil berat, memberi perhatian, menyayangi dan prihatin terhadap anak-anak yatim dan fakir miskin adalah satu perintah yang harus kita laksanakan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga ada menyebutkan tentang anjuran berbuat baik kepada anak yatim dan fakir miskin dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu ia berkata :

*"Telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah dan mengadu mengenai hatinya yang keras, lalu Baginda bersabda : "Berilah makan kepada orang miskin dan usaplah kepala anak yatim."*

Orang miskin yang dimaksudkan adalah mereka yang tidak mempunyai harta dan tiada pendapatan yang mencukupi untuk keperluannya, dan mereka tidak mahu meminta-minta kepada orang lain. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

*"Orang miskin itu bukanlah mereka yang suka meminta-minta kepada orang lain agar diberikan sesuap dan dua suap makanan dan satu-dua biji kurma." Para sahabat bertanya : "Ya Rasulullah, (kalau begitu)*




*siapa yang dimaksudkan dengan orang miskin itu? Baginda menjawab,"Mereka ialah orang yang hidupnya tidak berkecukupan, dan dia tidak mempunyai kepandaian untuk itu, lalu diberi sedekah (zakat), dan mereka tidak mahu meminta-minta sesuatu pun kepada orang lain."*

Berbuat baik, dan menyayangi fakir miskin adalah perbuatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seperti sabda baginda yang maksudnya :

*"Menyintai orang fakir termasuk pekerti para nabi dan benci orang miskin termasuk pekerti Firaun."*

Salah satu bentuk perhatian dan kepedulian kepada orang miskin adalah dengan memberikan bantuan dan makanan kepada mereka.

Imam al-Hakim Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

*"Sebaik-baiknya (orang) Islam adalah yang memberi makanan (kepada) orang-orang miskin dan memberi salam."*

Islam melarang kita membeza-bezakan golongan kaya dengan miskin. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam amat membenci terhadap sikap demikian.

Ini berdasarkan hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

*"Seburuk-buruk makanan adalah makanan pesta (jamuan) yang mengundang orang kaya sahaja dan meninggalkan orang-orang fakir."*

Rasulullah sangat mencintai dan memuliakan orang miskin. Menurut Rasulullah mereka patut mendapat kehormatan dan kemuliaan hidup kerana mereka tergolong orang-orang yang memperoleh kemuliaan daripada Allah. Rasulullah juga ada menyebutkan bahawa berbuat baik kepada orang-orang fakir adalah kunci pintu rezeki. Hal ini Rasulullah jelaskan dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dari Mush'ab bin Sa'ad ia berkata yang maksudnya :

*"Sa'ad memandang dirinya memiliki kelebihan (kedudukan lebih tinggi) daripada orang-orang yang lebih rendah darinya. Kemudian Rasulullah bersabda, "Tidaklah kalian ditolong dan dikurniakan rezeki melainkan dengan sebab orang-orang miskin di antara kalangan kalian."*

Maka berbuat baiklah pada orang miskin dan dekat dengan mereka kerana dengan berbuat demikan akan memudahkan hisab seorang Muslim pada hari kiamat.

Ini berdasarkan hadis daripada Abu Hurairah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

*"Barang siapa menghilangkan satu kesusahan dunia dari seorang mukmin, Allah akan menghilangkan darinya satu kesusahan di hari kiamat. Dan barang siapa yang memudahkan kesulitan orang yang dikelilingi hutang, Allah akan memudahkan atasnya di dunia dan akhirat."*

Begitu juga halnya dengan anak yatim, menyayangi dan memelihara anak yatim adalah menjadi kewajipan sosial ke atas setiap umat Islam. Anak yatim ditakrifkan sebagai anak yang kematian bapa sebelum mencapai akil baligh. Anak yatim yang hilang tempat bergantung mestilah dijaga, dibimbing serta diberi kasih sayang supaya mereka berasa disayangi dan tidak disisihkan. Orang yang memelihara anak yatim sangat mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

*"Aku dan penjaga (orang yang memberi perlindungan) kepada anak-anak yatim seperti ini di dalam syurga." Berkata Malik : "Baginda telah mengisyaratkan dua jari baginda itu dengan merapatkan jari telunjuk dan jari hantu."*

Allah Subhanahu Wata'ala menegaskan bahawa orang yang enggan berbuat baik kepada anak yatim dan fakir miskin adalah termasuk orang yang mendustakan agama sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Ma'un, ayat 1-3 yang tafsirnya :

*"Tahukah engkau orang yang mendustakan agama? Maka ia itulah orang yang berlaku zalim kepada anak yatim. Dan dia tidak menggalakkan (dirinya dan orang lain) memberi makan orang miskin."*

***'RASULULLAH sangat mencintai dan memuliakan orang miskin. Menurut Rasulullah mereka patut mendapat kehormatan dan kemuliaan hidup kerana mereka tergolong orang-orang yang memperoleh kemuliaan dari Allah. Rasulullah juga ada menyebutkan bahawa berbuat baik kepada orang-orang fakir adalah kunci pintu rezeki.'***

# Seorang lelaki cedera parah dalam kemalangan



PEGAWAI Menguasa Balai Polis Kampong Ayer, Inspektor Hamdan bin Mantul pada Sidang Media yang berlangsung di Ibu Pejabat Daerah Polis Bandar Seri Begawan.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Februari. - Pemandu kereta Daihatsu Sirion, Awang Jasmin bin Haji Timbang, seorang lelaki warganegara Brunei Darussalam berusia 42 tahun mengalami cedera parah dan dirawat di ICU Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Balai Polis Kampong Ayer menerima panggilan telefon 993 berhubung kemalangan melibatkan dua buah kenderaan jenis Daihatsu Sirion dan Lexus RX300 yang berlaku di kawasan selekoh tajam Kampung Lumapas menghala ke Junjongan kira-kira jam 11.38 malam pada 25 Februari.

Manakala pemandu kereta Lexus RX300 berwarna merah, Chin Teck Ming, seorang lelaki Penduduk Tetap Brunei Darussalam berusia 50 tahun mengalami cedera ringan dan masih menerima rawatan di Hospital RIPAS. Semasa kemalangan berlaku, tidak ada melibatkan harta benda kerajaan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pegawai Menguasa Balai Polis Kampong Ayer, Inspektor Hamdan bin Mantul pada Sidang Media yang berlangsung di Ibu Pejabat Daerah Polis Bandar Seri Begawan, di sini.

Menurutnya, hasil siasatan awal Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) mendapati pemandu Chin Teck Ming dipercayai di bawah pengaruh alkohol.

Punca kemalangan masih dalam siasatan, kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 26 (1) memandu dalam keadaan mabuk yang boleh membawa hukuman denda BND10,000 dan penjara selama dua tahun, jelasnya.

"PDB menasihati kepada pemandu-pemandu kenderaan agar lebih berhati-hati memandu semasa keadaan cuaca yang tidak menentu terutama sekali sewaktu cuaca hujan.

Dan menasihatkan supaya para pengguna jalan raya agar tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu; hendaklah memakai tali pinggang keledar keselamatan dan memandu mengikut had laju yang ditetapkan serta mematuhi arahan-arahan lalu lintas."

# Penuntut SM Chung Ching tingkat kefahaman kenegaraan



PENOLONG Pegawai Penerangan yang juga Ketua Cawangan Penerangan Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin menyampaikan taklimat.

Oleh : Noraisah Haji Muhammed
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**SERIA,** Isnin, 26 Februari. - Seramai 97 penuntut Tahun 7 dari Sekolah Menengah Chung Ching, Seria menghadiri Taklimat Mengenai Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik serta kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan juga bendera negara.

Taklimat yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah Chung Ching itu disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan yang juga Ketua Cawangan Penerangan Belait, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Beliau antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Penuntut juga menyaksikan klip 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' serta klip video Aplikasi Mudah Alih 'InfoDeptBN' dan berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan.

Turut hadir pada program tersebut ialah Pengetua Sekolah, Dr. Ang Sik Liong dan tenaga pengajar sekolah.



ANTARA penuntut Tahun 7 dari Sekolah Menengah Chung Ching, Seria menghadiri Taklimat Mengenai Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



KETUA Jabatan Bahasa Melayu dan Melayu Islam Beraja, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB), Awang Zamany bin Haji Md. Rais (tengah) ketika ditemui semasa Pesta Permainan Tradisi yang diadakan di ruang legar SM YSHHB.

## RALAT

**BERITA** di bawah tajuk "35 kes bunuh diri dilaporkan sepanjang 2014 - 2017", keluaran Pelita Brunei edisi Sabtu, 24 Februari 2018 Masihi / 8 Jamadilakhir 1439 Hijrah pada muka 7, para 9 hendaklah dibaca "Dalam kes kedua yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Pemerintah, Daerah Polis Brunei Muara, Penguasa Polis Pengiran Haji Abdul Salam bin Pengiran Haji Abdul Ghani mengenai kes yang membabitkan remaja yang berumur 13 tahun yang membunuh diri dengan menggunakan cadar yang diikat ke kipas angin siling disebabkan putus cinta." Kesilapan ini amat dikesali. **- Penyuntingan.**

# Dedahkan pelajar keunikan permainan tradisional

Berita dan Foto : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Februari. - Ramai kanak-kanak zaman sekarang tidak tahu akan permainan tradisional yang pernah menjadi permainan kanak-kanak zaman dahulu.

Apa lagi dengan adanya teknologi IT masa kini, pelbagai ciptaan permainan video, aplikasi untuk kegunaan komputer, telefon pintar dan tablet membuatkan permainan tradisional kian dilupakan. Tambahan pula permainan melalui peralatan canggih ini boleh dimain secara perseorangan atau dengan rakan maya.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ketua Jabatan Bahasa Melayu dan Melayu Islam Beraja, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB), Awang Zamany bin Haji Md. Rais ketika ditemui semasa Pesta Permainan Tradisi yang diadakan di ruang legar SM YSHHB.

Pesta itu jelasnya, bertujuan untuk memperkenalkan dan memberi peluang kepada pelajar-pelajar sekolah YSHHB terdiri dari TASKA, sekolah rendah hingga menengah untuk bermain permainan tradisi yang kini semakin jarang dimainkan.

Menurut Awang Zamany, pesta yang diadakan itu turut diisikan dengan Pertandingan Menulis Karangan bagi Tahun 7 hingga Tahun 11 selain berpeluang membuat kikik secara praktikal.

Pihak sekolah turut menjemput pihak Jabatan Muzium Brunei dan Persekutuan Gasing Kebangsaan Brunei untuk membuat pertunjukan cara bermain permainan tradisi seperti congkak, simban, tingting, talang gatah, pasang, buah lapas-lapas, upih, kikik, salok-salokan dan sebagainya.

Permainan tradisional lambang kebudayaan sesebuah masyarakat kerana melaluinya ia boleh membuat satu ikatan mesra dan interaksi sosial di dalam masyarakat. Justeru, menjadi satu warisan dan khazanah yang patut dipelihara agar ia tidak pupus ditelan zaman.

Juga hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif SM YSHHB, Awang Noorhaizamdin bin Haji Mohd. Mosbi dan Pengetua SM YSHHB, Chong Li Chen.



SALAH seorang pelajar bermain permainan tradisi, tingting pada Pesta Permainan Tradisi.

# Pelajar berperanan jayakan Wawasan Negara

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Februari. - Peranan pelajar dalam 'Menjayakan Wawasan Negara' dipilih menjadi tema Program Keagamaan Senegara bagi bulan Februari.

Wawasan Brunei 2035 adalah gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang jauh ke hadapan memastikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang memiliki rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.



ANTARA penuntut Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok yang hadir pada Program Keagamaan Senegara bagi bulan Februari.

Pelajar merupakan aset negara yang sangat memainkan peranan penting dalam menjayakan Wawasan Negara kerana pelajar yang berkualiti, merupakan pemangkin kecemerlangan negara. Selaku generasi muda belia mestilah mempunyai keazaman yang kuat, keazaman yang membolehkan mereka menewaskan segala kesusahan yang dihadapi.

'Pelajar Harapan Negara' dan 'Pelajar Bersatu Negara Maju' dengan slogan tersebut memberi semangat atau dorongan untuk pelajar-pelajar bagi meningkatkan lagi mutu pembelajaran mereka bagi sama-sama menjayakan Wawasan Negara.

Sehubungan itu, Program Keagamaan Senegara bagi semua persekolahan Arab dan persekolahan ugama sesi pagi dan petang bagi semua sekolah ugama di seluruh negara diadakan hari ini dan sekolah yang menjadi tumpuan ialah Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok.

Acara program dimulakan dengan tazkirah bertajuk 'Peranan Pelajar Dalam Menjayakan Wawasan Negara' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Mohd. Norhadi bin Pengiran Haji Bongsu dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 serta bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.



PEGAWAI Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Mohd. Norhadi bin Pengiran Haji Bongsu menyampaikan tazkirah bertajuk 'Peranan Pelajar Dalam Menjayakan Wawasan Negara'.

Sementara itu, pada sebelah petang, program sama juga diadakan di beberapa buah sekolah ugama, iaitu Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan, Jalan 77; Sekolah Ugama Keriam, Tutong; Sekolah Ugama Sungai Liang, Belait dan Sekolah Ugama Bokok, Temburong.

## Pelajar berkualiti kecemerlangan negara

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG,** Isnin, 26 Februari. - Setiap rakyat dan penduduk mempunyai peranan dalam memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dan berjaya.

Peranan pelajar dalam menjayakan Wawasan Negara ialah pelajar perlu belajar bersungguh-sungguh, tidak melibatkan diri dengan gejala sosial dan mematuhi peraturan dan undang-undang negara serta memberi sumbangan tenaga dan fikiran.

Justeru, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Program Keagamaan Senegara pada hari ini.

Bagi Daerah Tutong, tumpuan diadakan di Sekolah Ugama Keriam, di sini.

Tema Program Keagamaan Senegara bagi Februari ialah 'Peranan Pelajar Dalam Menjayakan Wawasan Negara'.



AWANG Mohammad Azim bin Abdul Rani semasa menyampaikan tazkirah 'Peranan Pelajar Dalam Menjayakan Wawasan Negara'.



PELAJAR-pelajar Sekolah Ugama Keriam semasa hadir pada Program Keagamaan Senegara bagi bulan Februari.

Seramai 131 murid sesi awal Darjah Pra, I, IV, V dan VI manakala sesi akhir seramai 59 murid dari Darjah II dan III menyertai program berkenaan.

Acara program dimulakan dengan tazkirah 'Peranan Pelajar Dalam Menjayakan Wawasan Negara' yang antara lain mengupas tentang pelajar selaku generasi belia seterusnya, mestilah mempunyai keazaman yang kuat yang membolehkan mereka menewaskan segala kesusahan yang dihadapi.

Tazkirah tersebut disampaikan oleh guru sekolah berkenaan, Awang Mohammad Azim bin Abdul Rani.

Sejurus selepas tazkirah, bacaan Surah Yaa Siin dibacakan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 disusuli Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Awang Haji Saifulrizal bin Haji Sabtu.

# Realisasikan hasrat negara

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Februari. - Tumpuan Program Keagamaan Senegara bagi Daerah Brunei dan Muara diadakan di Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan Jalan 77.

Program yang melibat



PARA murid Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan Jalan 77 semasa hadir pada Program Keagamaan Senegara bagi Daerah Brunei dan Muara diadakan di Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan Jalan 77.

keseluruhan pelajar itu juga diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Peranan Pelajar Dalam Menjayakan Wawasan Negara' yang disampaikan oleh Awang Irma Shukrin bin Haji Metussin.

Tazkirah antara lain menyentuh para pelajar adalah aset negara yang memainkan peranan penting dalam menjayakan Wawasan Negara di mana pelajar berkualiti merupakan kecemerlangan negara.

Para pelajar juga ditekankan mestilah mempunyai keazaman yang kuat bagi merealisasikan Wawasan Negara 2035 dengan slogan 'Pelajar Harapan Negara', 'Pelajar Bersatu Negara Maju' memberi semangat atau dorongan untuk mereka terus meningkatkan lagi pembangunan negara.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Awang Mohd. Azimin bin Rajid.

Acara diselajurkan dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalm Ke-34 dengan acara perarakan masuk bendera diikuti lagu kebangsaan dan persembahan lagu patriotik.

Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Mahadi bin Haji Tahir.

Program Keagamaan Senegara bermula jam 8.00 pagi bagi semua persekolahan Arab dan persekolahan ugama sesi pagi dan jam 2.00 petang bagi semua sekolah ugama sesi petang di seluruh negara.

Menurut Awang Sahrin bin Haji Subuh semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei, Program Keugaman Senegara ini baik dan membantu dalam mengimbangkan pendidikan kurikulum dan kokurikulum pelajar-pelajar.

Selain itu, katanya, program itu juga membantu mengimbangkan pendidikan duniawi (semangat kenegaraan) dan ukhrawi (zikir-zikir dan bacaan ayat-ayat Al-Quran) serta menambah ilmu pengetahuan dan menambah santapan rohani para pelajar.



AWANG Irma Shukrin bin Haji Metussin semasa menyampaikan tazkirah bertajuk 'Peranan Pelajar Dalam Menjayakan Wawasan Negara'.

"Ini terbukti dengan penyampaian tazkirah yang dipelbagaikan (diselaraskan oleh Bahagian Kokurikulum, Jabatan Pengajian Islam) pada setiap kali program ini dijalankan setiap sebulan sekali," ujarnya.

Melalui program itu juga tambahnya, dapat melatih pelajar-pelajar dalam mengamalkan apa yang dipelajari di dalam bilik darjah.

# Tingkatkan tahap kualiti kejurulatihan sukan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad



ANTARA peserta yang menyertai Kursus Sains Sukan selama lima hari bermula 26 Februari hingga 2 Mac nanti anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan melalui Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan dengan kerjasama Institut Sukan Negara (ISN), Malaysia melalui Akademi Kejurulatihan Kebangsaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Februari. - Ke arah usaha pembangunan kejurulatihan sukan di negara ini, seramai lebih 40 peserta mengikuti Kursus Sains Sukan Tahap 1 Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) 2018 yang diadakan di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Kursus yang diadakan selama lima hari bermula hari ini hingga 2 Mac nanti anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan melalui Unit Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan dengan kerjasama Institut Sukan Negara (ISN), Malaysia melalui Akademi Kejurulatihan Kebangsaan.

Para peserta terdiri daripada jurulatih-jurulatih sukan, guru-guru pendidikan jasmani serta jurulatih dari majlis-majlis sukan dan pertubuhan-pertubuhan sukan tempatan, manakala tenaga pengajar terdiri daripada tujuh pensyarah dari ISN.

Kursus tersebut bertujuan untuk melatih, melengkap dan memberikan kefahaman mengenai kepentingan sains sukan dalam kalangan peserta demi memajukan lagi corak dan kaedah kejurulatihan serta pengajaran mereka secara terkini.

Ia juga diadakan bagi pembangunan kejurulatihan sukan dengan mempertingkatkan tahap kualiti kejurulatihan di negara ini, sama ada secara teori mahupun praktikal bagi membantu mempertingkatkan lagi prestasi dan pencapaian negara.

Peserta yang lulus akan menerima sijil pengiktirafan dari ISN dan akan dicalonkan untuk mengikuti Kursus Sains Tahap 2 yang akan diadakan di kemudian hari.

# 29 pengadil sertai Kursus Pengadil FIFA / MA

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam



PEGAWAI Perkembangan Pengadil FIFA, Mohamad Rodzali Yacob dari Malaysia akan mengendalikan kursus, di mana para peserta akan menjalani ujian praktikal dan teoretikal serta ujian kecergasan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Februari. - Seramai 29 pengadil tempatan menyertai Kursus Pengadil FIFA / MA bermula hari ini sehingga 1 Mac di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Mereka terdiri daripada Pengadil FIFA, Penolong Pengadil FIFA serta Pengadil Kebangsaan Kelas 1, 2 dan 3 yang berdaftar dengan Persatuan Pengadil Bola Sepak Negara Brunei Darussalam.

Kursus yang dikendalikan oleh Pegawai Perkembangan Pengadil FIFA, Mohamad Rodzali Yacob dari Malaysia itu akan menyaksikan para peserta menjalani ujian praktikal dan teoretikal serta ujian kecergasan.

"Matlamat kursus ini adalah untuk persediaaan pengadil untuk musim 2018 (tempatan) dengan membantu mereka meningkatkan pengetahuan mereka terhadap peraturan," kata Mohamad Rodzali.

Kursus tersebut kali terakhir dianjurkan di negara ini pada Disember 2016.

# Ujian kecergasan bagi Kejohanan Lumba Perahu, 11 Mac

Siaran Akhbar : Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Februari. - Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada pekayuh-pekayuh dan pasukan-pasukan yang berminat untuk menghadiri sesi ujian kecergasan dan ketahanan.

Sesi ujian tersebut adalah sebagai persiapan Kejohanan Lumba Perahu Dalam Negeri dan kejohanan jemputan luar negeri bagi persiapan Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) 2019.

Sesi ujian akan diadakan pada 11 Mac 2018 di Padang Kebajikan Berakas bermula jam 7.30 pagi.

Persatuan Lumba Perahu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan pekayuh-pekayuh kepada pihak persatuan.



SERAMAI 29 pengadil tempatan menyertai Kursus Pengadil FIFA / MA di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

# Sukan

**INFO SUKAN**

SUKAN olahraga atau lebih dikenali sebagai acara balapan dan padang merupakan sejenis sukan merangkumi aktiviti larian, lompatan dan lontaran. Acara balapan biasanya diadakan di dalam trek iaitu bagi acara-acara larian manakala acara di dalam padang pula antaranya ialah seperti rejam lembing, lontar peluru dan lompat galah.

ePaper Pelita Brunei

## Kukuhkan persahabatan melalui Program Pertukaran Badminton Belia

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Februari. - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil menerima kunjungan hormat daripada rombongan Program JENESYS 2017 bagi Program Pertukaran Badminton Belia ke negara ini.

Seramai 16 pelajar dari Universiti Nippon Sport Science yang diketuai oleh Otsuka Tadashi menyertai kunjungan itu bertempat di Bilik Mesyuarat At-Taufik, KKBS, di sini.

Program pertukaran tersebut bertujuan untuk mewujudkan persahabatan dan kerjasama pada masa hadapan, di samping menggalakkan pemahaman mengenai ekonomi, masyarakat, sejarah, pelbagai budaya, politik dan hubungan diplomatik.

Rombongan berkenaan berada di negara ini selama sembilan hari bermula 23 Februari lalu dan akan mengadakan perlawanan persahabatan badminton bersama Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada 27 Februari; Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) pada 28 Februari dan Persatuan Badminton Brunei pada 1 Mac 2018.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil memberi ucapan alu-aluan ketika menerima kunjungan hormat daripada rombongan Program JENESYS 2017 bagi Program Pertukaran Badminton Belia ke negara ini.





ROMBONGAN Program JENESYS 2017 bagi Program Pertukaran Badminton Belia ke Negara Brunei Darussalam ketika mengadakan kunjungan hormat di Bilik Mesyuarat At-Taufik, KKBS (kiri dan kanan).

## BF3 pamerkan teknik bola sepak gaya bebas

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Februari. - Sebagai sukan bola sepak yang berlainan daripada sukan bola padang, Brunei Freestyle Football Footwork atau BF3 sudah mempunyai lebih 50 ahli seluruh negara, masing-masing dengan kemahiran dan teknik tersendiri.

Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34, Tahun 2018, BF3 mengadakan satu perkumpulan untuk pemain bola sepak gaya bebas atau *freestyler,* bertempat di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di ibu negara pada 24 Februari lalu.

Perkumpulan tersebut merupakan kali ke-7 yang dianjurkan oleh salah seorang Pengasas BF3, Md. Adi Iskandar bin Haji Abu Bakar sebagai satu cara untuk berkongsi ilmu dan teknik *freestyle,* di samping memberi tunjuk ajar kepada peminat baharu sukan tersebut.

Menurut Md. Adi Iskandar, BF3 sudah ditubuhkan sejak 2010 dan merupakan salah satu ahli persatuan antarabangsa, iaitu World Freestyle Football Association (WFFA) di Kanada.

"BF3 juga merancang untuk menganjurkan pertandingan nasional bola sepak gaya bebas di Negara Brunei Darussalam pada masa akan datang, jika diizinkan dari segi tajaan dan sebagainya," tambah Adi Iskandar.

Freestyler BF3 tidak kurang hebat dalam menyumbang pada mengharumkan nama negara di persada *freestyle football* antarabangsa, yang mana mereka pernah menyertai dan memenangi pertandingan di Malaysia, Singapura dan Indonesia, di samping menjuarai Borneo Island Freestyle Football Competition tahun lalu.

Selain itu, BF3 juga aktif mengadakan aktiviti-aktiviti di dalam negara seperti mengadakan persembahan pada acara awam dan pertandingan bola sepak gaya bebas di pentas kawasan letak kereta Muzium Alat-Alat Kebesaran Diraja bagi memeriahkan Festival Disember Brunei lalu dengan menjemput hakim dari Republik Indonesia, Ardhi Andryadi.

Untuk mengikuti lebih lanjut bolehlah melayari laman sosial Instagram *@bruneif3* atau Facebook *www.facebook.com/bruneif3.*

Bola sepak gaya bebas merupakan sukan individu, yang mana pemain-pemain boleh mengekspresi kemahiran dan teknik masing-masing, sesuai dengan motto BF3, iaitu, siapa sahaja boleh menyertai *freestyle football,* yang diperlukan hanyalah sebiji bola kerana tiada had dalam bola sepak dan bola sepak adalah kebebasan.



AHLI-AHLI kumpulan Brunei Football Freestyle Brunei atau BF3 mempamerkan kemahiran dan teknik masing-masing dalam sesi gambar ramai pada perkumpulan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34, Tahun 2018.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'AL-QURAN SUMBER KEPIMPINAN ADIL'

دتربيتکن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن کراجاٴن، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.